KEDUDUKAN DAN PERANAN HADIS DAIF DI SISI ULAMA ISLAM

Oleh:
Mohd. Khafidz bin Soroni
Jabatan al-Quran dan as-Sunnah,
KUIS.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

والحمد لله والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

وعلى آله وصحبه ومن اهتدى بهداه.

Mukadimah

Disiplin ilmu hadis merupakan disiplin ilmu yang mesti dipelajari oleh setiap orang yang ingin mendalami bidang hadis. Disiplin ini disebut sebagai ilmu *Mustalah al-Hadith* atau *'Ulum al-Hadith*. Melaluinya dapat difahami perbezaan antara hadis sahih, hasan, daif, daif jiddan dan mawdu'. Seluruh ulama bersepakat, hadis mawdu' tidak boleh diamalkan dan juga tidak boleh diriwayatkan kecuali untuk menerangkan kepalsuannya. Kata Imam Muslim dalam mukadimah *Sahih*nya:

> "Ketahuilah bahawa yang wajib ke atas setiap orang ialah mengetahui perbezaan antara riwayat-riwayat yang sahih dan riwayat-riwayat yang 'sakit', serta perawi-perawi yang thiqah daripada perawi-perawi yang dituduh. Ia tidak meriwayatkan melainkan hadis yang diketahui sahih sumber-sumbernya dan elok perawi-perawinya serta meninggalkan riwayat daripada orang-orang yang dituduh dan orang-orang yang keras degil daripada kalangan ahli bidaah".

Para ulama amat berhati-hati dalam menilai sesebuah hadis, sama ada menilainya sebagai sahih, hasan, daif, daif jiddan atau palsu. Ini bukan perkara ringan kerana penilaian terhadap sesuatu hadis amat besar pengaruhnya dalam menentukan amalan dalam masyarakat Islam. Kata Imam al-Tirmizi:

> "Aku pernah bertanya kepada Abu Muhammad 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman (al-Darimi) tentang hadis Nabi SAW:
>
> «من حدث عني حديثاً وهو يرى أنه كذب، فهو أحد الكاذبين»
>
> Terjemahan: "Barangsiapa yang memberitakan daripadaku suatu hadis, sedangkan dia melihat (mengetahui) ianya adalah dusta/bohong, maka dia adalah salah seorang daripada para pendusta/pembohong" (HR Muslim dan lain-lain daripada Samurah bin Jundab RA dan al-Mughirah bin Syu'bah RA). Aku bertanya kepadanya: "Sesiapa yang meriwayatkan suatu hadis, sedangkan dia tahu bahawa sanadnya salah, apakah tuan khuatir dia akan termasuk dalam ancaman hadis Nabi SAW ini? Atau apabila orang-orang meriwayatkan suatu hadis mursal, lalu ada setengah mereka menyambungkan sanadnya atau menukar-nukar sanadnya, dia akan termasuk dalam ancaman hadis tersebut?" Jawab beliau: "Tidak, akan tetapi makna hadis ini ialah apabila seseorang itu meriwayatkan sesuatu hadis, sedangkan tidak diketahui bagi hadis tersebut ada asalnya daripada Nabi SAW, lalu ia tetap meriwayatkannya. Maka, aku takut dia akan termasuk dalam ancaman hadis berkenaan". (al-Tirmizi: 4/334)

Secara dasar, mengkaji sahsiah para perawi merupakan asas penilaian bagi menentukan status hadis. Pada masa dahulu, kajian sanad dari aspek sahsiah *rijal* dan *al-jarh wa al-taadil* dilakukan oleh ulama hadis melalui rekod-rekod yang begitu hampir jarak masanya dan pengalaman mereka secara langsung. Namun, beza pada masa kini kajian sanad hanya merujuk kepada kitab-kitab *rijal* yang banyak disebarkan seperti kitab *al-Tarikh al-Kabir* oleh al-Bukhari, *al-Kamil* oleh Ibn ‘Adi, *Tahzib al-Kamal* oleh al-Mizzi, *Tahzib al-Tahzib* dan *Lisan al-Mizan* oleh Ibn Hajar, dan sebagainya. Berkemungkinan penilaian hadis yang terhasil adalah jauh berbeza dan tidak sama pada hakikatnya.

Definisi Hadis Daif

Hadis daif ialah setiap hadis yang tidak terhimpun padanya sifat-sifat hadis sahih mahu pun sifat-sifat hadis hasan (Ibn al-Solah, 1986: 41). Hadis daif ini tidak memiliki syarat-syarat lengkap hadis maqbul kerana hilang daripadanya satu syarat daripada syarat-syarat hadis sahih atau hasan, iaitu:

1. bersambung sanad,
2. perawinya adil,
3. perawinya *dhabit* (hafaz atau menjaga dengan baik),
4. tidak *syaz* (ganjil)
5. dan juga tidak ber*‘illah* (cacat).

Bahagian-bahagian Hadis Daif

Menurut Dr. Mahmud Sa‘id Mamduh, hadis dhaif berdasarkan peringkat kedaifannya boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu:

i. Hadis dhaif yang hampir menyerupai hasan, yang disebut oleh ulama sebagai ‘lembut’ (اللين), ‘ada kelembutan padanya’ (فيه لين), ‘ada kedaifan padanya’ (فيه ضعف) atau ‘*mudha‘af*’ (المضعّف), iaitu hadis yang tidak disepakati kedaifannya.
ii. Hadis dhaif yang sederhana, yang diriwayatkan secara sendirian oleh perawi yang lemah hafazan, yang banyak waham, *mudallis* (yang mengaburkan sanad) yang tidak menyatakan *sama‘*, *mukhallit* (mencampur aduk riwayatnya) dan sebagainya (seperti diriwayatkan secara *mursal*, perawi *majhul* yang tidak diketahui keadilannya dan lain-lain)
iii. Hadis yang sangat daif, seperti *munkar*, *wahi* (rapuh) dan yang termasuk dalam maknanya seperti *mawdhu‘* (kerana perawinya fasik, pendusta atau dituduh sebagai pendusta).

(*al-Ta‘rif*, 1/75. *Jawaz al-‘Amal bi al-Hadith al-Da‘if*, Majalah al-Muslim, hlm. 13)

Hukum Beramal Dan Berhujah Dengan Hadis Daif

Para ulama berselisih pendapat tentang hukum beramal dan berhujah dengan hadis daif. Menurut al-Hafiz al-Sakhawi (w. 902H) dalam kitabnya *al-Qawl al-Badi‘* ada tiga pendapat ulama tentangnya, iaitu:

i. Pendapat pertama:
Tidak boleh beramal dengannya secara mutlak (sama ada pada hukum-hakam atau fadha'il amal). Al-Hafiz al-Sakhawi menyebut ini adalah pendapat Ibnu al-'Arabi al-Maliki (al-Sakhawi 1994: 363).

ii. Pendapat kedua:
Boleh beramal dengannya secara mutlak (sama ada pada hukum-hakam atau fadha'il amal), apabila tidak ada dalam sesuatu bab itu hadis yang selainnya. (al-Sakhawi 1994: 365)

iii. Pendapat ketiga:
Pendapat yang dipegang oleh jumhur ulama, boleh beramal dengannya dalam fada'il amal, tidak termasuk hukum-hakam, dengan syarat-syaratnya yang tertentu. (al-Sakhawi 1994: 365)

Ijmak Ulama Harus Beramal dengan Hadis Daif dalam Fada'il Amal?

Keterangan al-Hafiz al-Sakhawi di atas menunjukkan hukum harus beramal dengan hadis daif dalam fada'il amal itu adalah pendapat jumhur ulama. Sebelumnya, al-Hafiz Ibn Nasiriddin al-Dimasyqi juga turut menyandarkannya kepada jumhur ulama, sepertimana dalam kitab *al-Tarjih li-Hadith Solat al-Tasbih*. Bagaimanapun, terdapat keterangan-keterangan ulama lain yang menunjukkan bahawa ianya adalah ijmak ulama.

1. **Imam an-Nawawi** menyebut di awal kitab *al-Arba'in* (juga seumpamanya dalam *al-Majmu'* dan *al-Tarkhis fi al-Ikram bi al-Qiyam*):

   وقد اتفق العلماء على جواز العمل بالحديث الضعيف في فضائل الأعمال.

   "Telah bersepakat para ulama harus beramal dengan hadis daif dalam fadha'il a'mal (kelebihan amalan)."

2. **Imam Ibnu Hajar al-Haitami** menyebut dalam (الفتح المبين في شرح الأربعين): "Para ulama telah bersepakat harus beramal dengan hadis daif dalam fadha'il a'mal, kerana seandainya ia sahih pada hakikatnya, maka ia telah memberikan haknya dengan beramal dengannya, dan jika tidak pun, beramal dengannya itu tidak menyebabkan rosaknya penghalalan atau pengharaman atau hilangnya hak orang lain."

   Beliau juga menyebut dalam (الفتاوى الحديثية): "Hadis daif, *mursal, mu'dhal* dan *munqati'* boleh diamalkan dalam fadha'il a'mal secara sepakat, bahkan secara ijmak, meskipun ada perbincangan mengenainya."

3. **Mulla 'Ali al-Qari** berkata dalam *al-Haz al-Aufar* (seperti dalam *al-Ajwibah al-Fadhilah* oleh Imam al-Laknawi, hlm. 36): "Hadis daif adalah muktabar dalam fadha'il a'mal di sisi seluruh ulama dari kalangan tokoh-tokoh besar."

   Beliau juga menyebut dalam (الأسرار المرفوعة): "Hadis daif boleh diamalkan dalam fadha'il a'mal secara sepakat (ittifaq ulama)."

Ramai ulama dari kalangan mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Syafii dan lain-lain yang mendokong kenyataan ini. Jika dakwaan sepakat (ittifaq) ulama ini benar sahih, maka apa yang dinukilkan oleh al-Hafiz al-Sakhawi bahawa Ibnu al-'Arabi al-Maliki berpendapat tidak boleh beramal dengan hadis daif secara mutlak perlulah ditakwilkan. Setengah ulama seperti al-'Allamah Sayyid 'Alawi al-Maliki menerangkan maksud sebenar perkataan Ibnu al-'Arabi ialah hadis yang bersangatan daifnya, yang langsung tidak dapat dijadikan hujah dan iktibar di sisi para ulama (*al-Manhal al-Latif*, 33). Justeru, ia bukan semata-mata daif kerana Ibnu al-'Arabi al-Maliki masih menerima sebahagian hadis-hadis yang bersifat daif di dalam sebahagian kitab-kitabnya seperti *'Aridhah al-Ahwazi*, terutama dalam penerimaan hadis mursal sebagaimana pada mazhabnya.

Membezakan Hadis Ahkam dan Hadis Fada'il

Berdasarkan pendapat ketiga, ramai ulama hadis dan lain-lain menyatakan bahawa harus meriwayatkan hadis daif tanpa perlu menjelaskan kedaifannya dengan dua syarat, iaitu:

1. Ia tidak berkaitan dengan akidah, seperti sifat-sifat Allah Taala.
2. Ia tidak berkaitan dengan hukum-hakam syarak yang berkait dengan halal dan haram.

Maka, harus menggunakan hadis daif seperti mengenai kisah-kisah, fada'il amal (kelebihan-kelebihan), ceramah, syarahan, *al-targhib wa al-tarhib* dan seumpamanya. (al-Suyuti, 1993: 196)

Menurut al-Khatib al-Baghdadi, telah warid (dicatatkan) daripada lebih seorang daripada para Salaf bahawa tidak harus membawa hadis-hadis berkaitan penghalalan dan pengharaman melainkan daripada orang yang bebas daripada tuduhan, lagi jauh daripada prasangka. Adapun hadis-hadis *targhib*, *mawa'iz* dan seumpamanya, maka adalah harus menulisnya daripada semua para masyayikh". (al-Khatib al-Baghdadi, 133)

Kata Sufyan al-Thawri: "Janganlah kamu ambil ilmu ini mengenai perihal halal dan haram melainkan daripada tokoh-tokoh yang masyhur dengan ilmu, yang mengetahui perihal pertambahan dan pengurangan. Maka, tiada mengapa dengan apa yang selain itu daripada para masyayikh". (al-Khatib al-Baghdadi, 134). Sufyan al-Thawri pernah berkata: "Waspadalah dengan al-Kalbi". Lalu ada yang bertanya kepada beliau: "Tapi tuan ada meriwayatkan daripadanya". Jawabnya: "Aku tahu yang benarnya daripada yang dustanya". (al-Majruhin oleh Ibn Hibban)

Kata Sufyan bin 'Uyaynah: "Janganlah kamu dengar daripada Baqiyah apa yang berkaitan tentang sunnah (syariat) dan dengarlah daripadanya apa yang berkaitan tentang perihal pahala dan selainnya". (al-Khatib al-Baghdadi, 134)

Kata Ahmad bin Hanbal : "Apabila kami riwayatkan daripada Rasulullah SAW mengenai halal, haram, sunan dan ahkam, kami akan ketatkan pada sanad-sanadnya dan apabila kami riwayatkan daripada baginda SAW mengenai fada'il amal serta apa yang tidak

menetapkan hukum mahu pun mengangkatnya, kami akan melonggarkan pada sanad-sanadnya”. (al-Khatib al-Baghdadi, 134)

Kata Abu Zakariyya Yahya al-‘Anbari, seorang tokoh mufasir muhaddith yang thiqah: “Sesuatu khabar apabila diriwayatkan tanpa mengharamkan yang halal mahupun menghalalkan yang haram serta tidak menetapkan hukum, dan ianya mengenai targhib, tarhib, tasydid atau tarkhis, wajiblah mempermudahkannya dan melonggarkan syarat pada perawi-perawinya”. (al-Khatib al-Baghdadi, 134)

Imam ‘Abdur Rahman ibnu Mahdi berkata: “Apabila kami meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. tentang halal, haram dan hukum-hakam, maka kami akan mengetatkan pada sanad-sanadnya dan mengkritik rijalnya (para perawi yang terdapat dalam sanadnya). Namun, apabila kami meriwayatkan tentang fada’il amal, ganjaran pahala, balasan seksa, perkara-perkara harus dan doa-doa, maka kami akan mempermudahkan pada sanad-sanadnya”. (Riwayat al-Hakim dalam al-Mustadrak)

Kata al-Hafiz Ibn ‘Abd al-Bar: “Hadis-hadis fada’il itu, kita tidak memerlukan padanya kepada orang (perawi) yang boleh dijadikan hujah dengannya”. (al-Sakhawi, 1403: 288)

Mengamal Hadis Daif dalam Ahkam?

Kata Imam al-Nawawi (w. 676H) dalam *al-Azkar*: “Kata para ulama dari kalangan muhaddithin, fuqaha’ dan lain-lain: Harus dan mustahab beramal dalam fadha’il dan *al-targhib wa al-tarhib* dengan hadis daif, selama mana ia tidak *mawdu‘*. Adapun hukum hakam seperti halal haram, jual beli, nikah, talak dan sebagainya, maka tidak boleh beramal padanya melainkan dengan hadis sahih atau hasan, kecuali ia untuk *ihtiyat* (berhati-hati) tentang sesuatu perkara daripadanya, sepertimana apabila diriwayatkan hadis daif tentang tegahan suatu jenis jual beli atau nikah, maka yang mustahab ialah menjauhkan diri daripadanya, namun ia tidak wajib.” (al-Nawawi, 1994: 8)

Penjelasan Imam an-Nawawi menunjukkan bahawa masih ada sedikit ruang bagi hadis daif dalam bab ahkam. Dalam mazhab Syafii, apa yang disebut oleh Imam al-Nawawi ini merupakan pegangan semua ulama Syafii. Kata al-‘Allamah Ibn al-Qayyim dalam *I‘lam al-Muwaqqi‘in* (1/77): “Sahabat-sahabat Abu Hanifah berijmak bahawa mazhab Abu Hanifah ialah hadis daif di sisinya adalah lebih utama daripada qiyas dan ra’yu. Di atas asas inilah, beliau membina mazhabnya.” Kata Ibn al-Qayyim lagi: “Asal keempat daripada usul Imam Ahmad yang beliau asaskan fatwa-fatwanya di atasnya ialah mengambil hadis mursal dan hadis daif, jika tidak ada dalam sesebuah bab sesuatu dalil yang dapat menampungnya, dan beliau akan merajihkannya ke atas qiyas”.

Kitab *Sunan al-Tirmizi* merupakan antara bukti dokumentasi tentang pengamalan hadis daif di kalangan ulama salaf, di mana Imam al-Tirmizi menyatakan: “Semua hadis yang ada di dalam kitab ini adalah diamalkan. Ianya telah diambil oleh sebahagian ahli ilmu kecuali dua buah hadis...”. Maksud ‘ahli ilmu’ dalam istilah dahulu adalah merujuk kepada ulama muktabar dan mujtahidin di zaman tersebut.

Jika diteliti, banyak hadis-hadis yang tidak mencapai tahap sahih di dalam *Sunan*nya. Misalnya, hadis daripada ‘Amru bin Syu‘aib daripada ayahnya daripada datuknya; bahawa Rasulullah SAW memulangkan anaknya Zainab kepada al-‘Asi bin al-Rabi‘ dengan mahar yang baru dan nikah yang baru. Kata Imam al-Tirmizi:

> هذا حديث في إسناده مقال، وفي الحديث الآخر أيضاً مقال، والعمل على هذا الحديث عند أهل العلم... **وهو قول مالك بن أنس والأوزاعي والشافعي وأحمد وإسحاق**.
>
> “Hadis ini pada sanadnya ada kritikan dan pada hadis yang lain juga ada kritikan, namun amalan adalah menurut hadis ini di sisi ahli ilmu… **Ini adalah pendapat Malik bin Anas, al-Auza‘i, al-Syafi‘i, Ahmad dan Ishaq**”.

Mengenai hadith-hadith yang didiamkan atau tidak diberi sebarang komen oleh Imam Abū Dāwūd di dalam kitab *al-Sunan*nya, beliau menyatakan di dalam suratnya *Risālah al-Imām Abī Dāwūd ila Ahl Makkah fi Waṣf Sunanih*, bahawa hadith-hadith berkenaan adalah bersifat ṣāliḥ (baik) semuanya. Namun, menurut ramai ulama hadis seperti al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar, al-Ḥāfiẓ al-Biqā‘ī, al-‘Allāmah Ibn al-Wazīr al-Yamānī, al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī, al-Syawkānī dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah semua bersetuju bahawa hadith-hadith yang tidak diberi sebarang komen oleh Abū Dāwūd itu sebahagiannya ada hadith yang kuat kerana disokong oleh riwayat lain serta boleh dibuat hujah, dan sebahagiannya pula hadith da‘if yang tidak boleh digunakan sebagai hujah. Namun menurut mazhab Abū Dāwūd, ia boleh diamalkan kerana hadith da‘if itu lebih kuat daripada qiyas atau pendapat para mujtahid.[1] Justeru itu, beliau menyatakannya sebagai ṣāliḥ (baik), yakni untuk berhujah dan juga beramal.

al-Ḥāfiẓ Ibn ‘Abd al-Barr[2] telah memperincikan di dalam mukadimah kitab *al-Tamhīd*[3] tentang kehujahan hadith *mursal* di sisi ramai imam-imam muktabar. Di dalam mukadimah tersebut, beliau menerangkan tentang kehujahan hadith *mursal* di sisi Imam

---

[1] Abū Dāwūd (1997), *Risālah al-Imām Abī Dāwūd ila Ahl Makkah fi Waṣf Sunanih*, di dalam : *Thalāth Rasā’il fī ‘Ilm Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Halab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, h. 38-45.

[2] al-Ḥāfiẓ Abū ‘Umar Yūsuf ibn ‘Abd Allah ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Barr al-Namarī al-Qurṭubī, digelar sebagai ‘Ḥāfiẓ al-Maghrib’. Beliau dilahirkan pada tahun 368 H dan meninggal dunia pada tahun 463 H di Andalus. Di antara guru-gurunya ialah Abū al-Qāsim Khalaf ibn al-Qāsim, ‘Abd al-Wārith ibn Sufyān, Sa‘īd ibn Naṣr, Abū al-Walīd ibn al-Faraḍī, Abū ‘Umar Aḥmad ibn ‘Abd al-Malik al-Isybīlī dan lain-lainnya. Menurut al-Qāḍī Abū al-Walīd al-Bājī : “Tidak ada di Andalus orang yang seumpama Abū ‘Umar ibn ‘Abd al-Barr di dalam bidang hadith”. Antara karya-karyanya ialah *al-Tamhīd li mā fi al-Muwaṭṭa’ min al-Ma‘ānī wa al-Masānīd*, *al-Istidhkār li Madhāhib ‘Ulamā’ al-Amṣār fī mā Taḍammanah al-Muwaṭṭa’ min Ma‘ānī al-Ra’y wa al-Āthār*, *al-Istī‘āb*, *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih wa mā Yanbaghī fī Riwāyatih wa Ḥamlih*, *al-Durar fī Ikhtiṣār al-Maghāzī wa al-Siyar*, *al-Intiqā’ fī Faḍā’il al-Thalāthah al-A’immah al-Fuqahā’* (juga ditahkik oleh Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah) dan sebagainya. Lihat : Syams al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Khallikān (1997), *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, Beirut : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, j. 3, h. 445-448. Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1998), *al-A‘lām*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn,c. 13, j. 8, h. 240. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (2002), *Khams Rasā’il fi ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyah, h. 20-38.

[3] Mukadimah ini dicetak di bawah judul ; *Khams Rasā’il fī ‘Ilm Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* yang diselenggarakan oleh Salmān Abū Ghuddah pada tahun 2002. Judul penuh kitab ialah: *al-Tamhīd li mā fi al-Muwaṭṭa’ min al-Ma‘ānī wa al-Masānīd* yang berbeza dengan kitab-kitab syarah *al-Muwaṭṭa’* yang lain kerana hadith-hadithnya disusun menurut nama-nama guru Imam Malik yang disusun pula berdasarkan huruf abjad.

Mālik dan pengaplikasiannya di dalam kitab *al-Muwaṭṭa'*. Beliau berpendapat, hadith *mursal* seorang perawi *thiqah* adalah hujah dan boleh beramal dengannya. Demikian juga pendapat Imam Abū Ḥanīfah dan para sahabatnya berhubung pemakaian hadith *mursal*.

Antara kajian khusus yang telah dihasilkan mengenai isu ini ialah:

i. Kitab [*fihi al-Ahadith al-Da'ifah allati 'Amila biha al-A'immah*] oleh Syeikh al-Ardabili.
ii. *Kasyf al-Litham 'an al-Ahadith al-Da'ifah fi al-Ahkam al-Ma'mul biha 'inda al-A'immah al-A'lam* oleh Syeikh Sa'id Ba-Syanfar.
iii. *Talaqqi al-Hadith al-Da'if bi al-Qabul fi Kutub al-Sunnah wa Atharuhu fi al-Ahkam al-Syar'iyyah* oleh Muhammad Hasyim Ghalib (kajian master 2011).
iv. *Ahadith Di'af wa 'Alayha al-'Amal bi-Ghayr Khilaf* oleh 'Atif bin Hasan al-Faruqi (2012).

Syarat-syarat beramal dengan hadis daif

Mengenai syarat-syarat beramal dengan hadis daif ini sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Hafiz al-Sakhawi (w. 902H) dalam kitabnya *al-Qawl al-Badi'*: "Aku telah mendengar daripada guru kami (al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani) berulang kali memberitahu serta menuliskannya kepadaku dengan tangannya bahawa syarat-syarat beramal dengan hadith daif itu ada tiga:

1. Pertama, syarat yang disepakati oleh ulama, bahawa kedaifannya itu tidak berat. Maka, terkeluarlah hadis perawi yang bersendirian dari kalangan perawi pendusta atau yang dituduh berdusta dan juga perawi yang teruk kesilapannya.

2. Kedua, ianya termasuk di bawah asal yang am/umum (dalam syarak daripada al-Quran atau hadis). Maka, terkeluarlah apa yang direka-reka, di mana ia sama sekali tidak mempunyai asal pada asalnya.

3. Ketiga, tidak mengiktikadkan ketika beramal dengannya ia sabit (datang daripada Nabi SAW) supaya tidak menyandarkan kepada Nabi SAW apa yang tidak baginda katakan".

Kata al-Hafiz Ibnu Hajar (w. 852H) lagi: "Dua syarat yang akhir itu adalah daripada Ibn 'Abd al-Salam dan sahabatnya Ibn Daqiq al-'Ied, manakala yang pertama al-'Ala'i telah menukilkan *ittifaq* (kesepakatan ulama) ke atasnya." (al-Sakhawi 1994: 363-364) (al-Suyuti, 1993: 197)

Huraian ini menggambarkan bahawa sebelum zaman Ibn 'Abd al-Salam (w. 660H) dan Ibn Daqiq al-'Ied (w. 702H), tiga syarat ini belum diketengahkan dan belum masyhur. Ahli hadis sebelumnya hanya membezakan antara hadis ahkam dan hadis fadha'il sahaja, di mana mereka mengetatkan syarat untuk hadis ahkam dan melonggarkan syarat untuk hadis fadha'il. Menurut al-Suyuti dalam kitab *Tadrib ar-Rawi*: "Ibn al-Solah (w. 643H) dan al-Nawawi (w. 676H) tidak menyebutkan di sini dan di dalam semua kitab-kitabnya

terhadap apa yang disebutkan kecuali syarat ini, iaitu ianya di dalam bab fada'il dan yang seumpamanya". (al-Suyuti, 1993: 196)

Jelas bahawa tiga syarat untuk beramal dengan hadis daif dalam fada'il di atas adalah berdasarkan *istiqra'* (kajian induksi) terhadap amalan para ulama hadis terdahulu. Maka secara zahirnya, ketiga-tiga syarat tersebut bukanlah ijmak (*ittifaq*) ulama yang terdahulu kecuali syarat pertama - sepertimana nukilan daripada al-'Ala'i (w. 761H) - yang tidak boleh menerima riwayat yang sangat daif. Ini bermakna hadis yang sangat daif tidak dapat digunakan dalam fada'il amal, *al-targhib wa al-tarhib* dan seumpamanya.

Namun, apakah hal ini memang berbentuk mutlak? Secara zahirnya, ia merujuk kepada hadis yang disepakati sebagai sangat daif, terutama yang banyak berlaku kesilapan dan keganjilan pada sanad atau matannya, serta bercanggah dengan hadis-hadis yang sabit, tidak termasuk hadis sangat daif yang mempunyai kemungkinan daif sahaja kerana terdapat *qarinah* atau *qara'in* (bukti-bukti sokongan) yang menguatkannya. *Qarinah* atau *qara'in* ini termasuk ayat al-Quran, hadis sahih, hadis daif ringan, ijmak ulama, amalan sahabat dan tabiin. Wallahu a'lam.

Dakwaan Bidaah Terhadap Amalan Daripada Hadis Daif

Mungkin anda ada pengalaman perbualan seperti berikut;

- "Amalan ni bidaah. Awak tak boleh amalkan kerana hadisnya daif".
- "Tak... Amalan ni bukan bidaah. Hadis daif dapat diamalkan dalam bab fada'il".
- "Syeikh *** kata, amalan ni bidaah, tak ada zaman Nabi".
- "Tak ada zaman Nabi ke, atau Syeikh tu yang tak mau terima khilaf?"

Ini merupakan antara masalah yang sering mengelirukan pemikiran sebahagian umat Islam pada masa kini, iaitu beramal dengan hadis daif dianggap sebagai bidaah. Hingga seolah-olah ianya menjadi suatu kaedah dalam menentukan hukum. Kesan dari kaedah ini telah menimbulkan perselisihan yang tidak berkesudahan di kalangan para ilmuwan, bahkan para pengikut mereka, berkaitan masalah-masalah yang dibahaskan.

Ia menjadi satu ujian bagi umat Islam apabila ada di antara mereka yang menghukum bidaah bagi sesuatu amalan semata-mata kerana hadisnya daif, manakala pihak yang satu lagi mempertahankannya kerana menganggapnya sebagai bukan bidaah. Hal ini adakalanya membawa kepada perpecahan dan perbalahan yang sengit. Banyak buku-buku yang telah disusun berdasarkan kaedah berkenaan, sedangkan ianya tidak menepati tradisi majoriti ahli ilmu.

Sebelum membincangkan lebih lanjut, ada beberapa perkara yang perlu difahami dalam perbincangan ini. Pertamanya, maksud bidaah dari segi penggunaan istilah am dalam tulisan ini ialah bidaah *sayyi'ah* (yang buruk), maka tidak termasuk bidaah *hasanah* (yang baik). Perbincangan ini juga hanya berkaitan dengan hadis daif yang dihukumkan pengamalannya oleh sebahagian ahli ilmu sebagai bidaah.

Adapun hadis yang diperselisihkan hukumnya, seperti setengah pihak mengatakan daif, atau sahih, dan setengah pihak lagi mengatakan palsu, maka ia memerlukan perbahasan lain yang lebih lanjut. Pihak yang mengatakannya sebagai hadis palsu, walaupun pihak satu lagi mengatakan tidak palsu, berhak menyatakan bahawa beramal dengannya dikira sebagai bidaah. Namun kelayakan dan kemampuan memberi keputusan hukum bidaah tersebut adakalanya menjadi bahan pertikaian pula. Justeru dalam masalah yang sebegini masing-masing perlulah bijak dalam menanganinya. Maka kita perlu bersikap toleransi dan cermat dalam menyuarakan pandangan serta menjaga adab-adab perselisihan pendapat (*adab al-ikhtilaf*).

Tradisi Ulama Terdahulu

Tiada salahnya meninggalkan hadis daif, namun sikap membidaahkan orang lain yang mengamalkannya itu yang perlu dikoreksi semula. Jika kita merujuk kepada ulama-ulama terdahulu, boleh dikatakan majoriti mereka tidak menghukum bidaah ke atas orang yang mengamalkan hadis daif. Malah kita dapati kitab-kitab ulama terdahulu tidakpun meninggalkan hadis daif. Imam al-Bukhari misalnya, walaupun meninggalkan hadis daif dalam kitab Sahihnya (kecuali secara *mu'allaq*), namun beliau memuatkan hadis daif ini di dalam karya-karyanya yang lain seperti kitab *al-Adab al-Mufrad*. Imam Ahmad juga memuatkan banyak hadis daif di dalam kitab Musnadnya, dan beliau berkata: “Hadis daif itu lebih aku sukai daripada pandangan akal”.

Imam al-Tirmizi juga banyak memuatkan hadis daif di dalam kitabnya al-Jami' (atau Sunan al-Tirmizi). Dan istimewanya kitab beliau ini memuatkan hadis-hadis yang diamalkan oleh para ulama mujtahid, walaupun hadis tersebut dihukumkan sebagai daif. Maka tidak pula dilihat beliau menuduh ulama yang mengamalkannya sebagai telah melakukan bidaah.

Ulama yang dikatakan menolak hadis daif secara mutlak, yakni dalam semua perkara, seperti Abu Bakr Ibn al-‘Arabi, Ibn Hazm (w. 456H) dan lain-lain juga didapati tidak mempraktikkan sepertimana dakwaan tersebut di dalam karya-karya penulisan mereka.

Dalam kaedah ulum al-hadith, ramai ulama bersepakat bahawa hadis daif tidak boleh diamalkan dalam bab akidah dan hukum-hakam, namun mereka membenarkannya dalam bab *fada'il al-a'mal*, *al-targhib wa al-tarhib*, *qisas*, *mawa'iz* dan seumpamanya. Maka kenyataan ini membuktikan bahawa beramal dengan hadis daif dalam bab yang tersebut adalah harus, bukannya suatu bidaah. Bahkan sebahagian ulama terdahulu beramal dengan hadis daif dalam bab hukum-hakam sekalipun, namun tidak pula mereka dituduh melakukan bidaah.

Bidaah Beramal Dengan Hadis Daif?

Saya belum dapat menemukan ulama yang menyatakan secara terang-terangan bahawa beramal dengan hadis daif adalah bidaah secara mutlak. Ada disebut dalam al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj oleh Imam al-Nawawi (Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi: Beirut, cet. 2, 1392H, 4/153):

أن السنة في السلام من الصلاة أن يقول: "السلام عليكم ورحمة الله" عن يمينه، "السلام عليكم ورحمة الله" عن شماله. ولا يسن زيادة: "وبركاته"، وإن كان قد جاء فيها حديث ضعيف، وأشار إليها بعض العلماء، ولكنها بدعة، إذ لم يصح فيها حديث، بل صح هذا الحديث وغيره في تركها. والواجب منه: "السلام عليكم" مرة واحدة، ولو قال: "السلام عليك" بغير ميم، لم تصح صلاته. انتهى

Maksudnya secara ringkas, Imam al-Nawawi menghukumkan bidaah menambah lafaz: *wa barakatuh* dalam lafaz salam selepas selesai solat. Pada mulanya beliau menyatakan hadisnya sebagai daif, kemudian beliau mengatakan pula; tidak ada satu hadis pun yang sahih. Maka zahirnya, Imam al-Nawawi seolah-olah berpendapat mengamalkan hadis daif adalah bidaah.

Namun pernyataan bidaah tersebut tidak terdapat dalam kitab-kitab beliau yang lain dan hanya memadai dalam menghukum amalan berkenaan sebagai *syaz* atau menyalahi yang masyhur dari Nabi s.a.w. sahaja. Malah dinyatakan dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab (3/479) bahawa sanad hadis mengenai perkara tersebut dalam Sunan Abi Dawud adalah sahih, bukan daif. Demikian juga hukumnya menurut al-Hafiz Ibnu Hajar dalam kitab Bulugh al-Maram (no. 339).

Imam Syams al-Din al-Ramli (w. 1004H) pula dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj, iaitu huraian terhadap kitab Minhaj al-Talibin karangan Imam al-Nawawi, memberi komentar:

(وَأَكْمَلُهُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ) لِلِاتِّبَاعِ ، وَلَا يُسَنُّ وَبَرَكَاتُهُ عَلَى الْمَنْصُوصِ الْمَنْقُولِ لَكِنَّهَا ثَبَتَتْ مِنْ عِدَّةِ طُرُقٍ وَمِنْ ثَمَّ اخْتَارَ كَثِيرٌ نَدْبَهَا

Beliau menyatakan bahawa tambahan lafaz: *wa barakatuh* itu sabit melalui beberapa jalan riwayat dan ramai ulama yang menghukumkannya sebagai *mandub* (sunat). Maka zahir pendapat Imam al-Nawawi di atas, iaitu mengamalkan hadis daif adalah bidaah tidak dapat diterima sebagai suatu kenyataan yang muktamad. Apatah lagi beliau terkenal dengan pendapatnya membenarkan pengamalan hadis daif dalam bab *fada'il al-a'mal* dan yang seumpamanya.

Syeikh Muhammad bin Isma'il al-San'ani (w. 1182H) dalam kitabnya Subul al-Salam (Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi: Mesir, cet. 4, 1960, 1/195-196) menyatakan bahawa ianya adalah riwayat tambahan dari perawi yang adil dan beliau menukilkan dari kitab Talqih al-Afkar Takhrij al-Azkar susunan al-Hafiz Ibn Hajar ketika al-Nawawi menyebut bahawa tambahan lafaz: *wa barakatuh* adalah riwayat tunggal (*syaz*), maka al-Hafiz Ibnu Hajar telah membawakan beberapa jalan riwayat bagi tambahan lafaz: *wa barakatuh*, kemudian katanya: "Ini adalah beberapa jalan riwayat yang menunjukkan sabitnya lafaz: *wa barakatuh*, berbeza dengan apa yang dibayangkan oleh kata-kata syeikh (al-Nawawi) bahawa ianya adalah riwayat tunggal (*syaz*)".

Ulama lain yang ditemukan berpendapat bahawa mengamalkan hadis daif itu adalah bidaah ialah Syeikh Muhammad bin Isma'il al-San'ani (w. 1182H) di atas dalam

kitabnya Subul al-Salam (2/114), di mana beliau mengulas tentang hadis talqin ke atas mayat:

ويتحصل من كلام أئمة التحقيق أنه حديث ضعيفٌ والعمل به بدعة ، ولا يغتر بكثرة من يفعله. انتهى

Kata-kata Syeikh al-San'ani ini begitu popular dipromosikan oleh mereka yang menolak amalan talqin ke atas mayat dalam kubur dan berpendapat ianya sebagai suatu amalan bidaah.

Menurut Imam al-Nawawi dalam Fatawanya: Adapun talqin yang biasa dilakukan di Syam selepas pengebumian, maka pendapat yang dipilih ialah istihbab melakukannya. Antara ulama yang menaskan hukum istihbabnya dari kalangan sahabat-sahabat kami (ulama Syafi'iyyah) ialah al-Qadhi Husain, al-Mutawalli, Syeikh Nasr al-Maqdisi, al-Rafi'i dan lain-lain. Hadisnya yang diriwayatkan oleh al-Tabarani adalah daif, akan tetapi ia dapat diambil kira. Dan para ulama hadis telah bersepakat dalam bertolak ansur dengan hadis-hadis *fada'il* dan juga *targhib wa tarhib*. Ahli Syam telah pun mengamalkan perkara tersebut sejak zaman ulama yang diikuti peribadinya sehinggalah sekarang ini. (Lihat *Kasyf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas* oleh Syeikh Isma'il al-'Ajluni, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1/316)

Realiti dan praktis kebanyakan ulama fiqh dalam menghukumkan amalan yang bersandar kepada hadis daif ialah hanya menyatakannya sebagai pendapat yang *marjuh*, atau pendapat yang lemah, ataupun ditolak, dan mereka tidak menghukumkannya sebagai suatu bidaah. Jika hadis daif tersebut mempunyai dalil-dalil lain yang menyokong seperti amalan para sahabat atau para salaf misalnya, kemungkinan ia dapat meningkat kepada kedudukan yang lebih kuat.

Berdasarkan penjelasan ini, pandangan al-San'ani itu tidak dapat diterima sebagai suatu kaedah penentuan yang kukuh, dan menyalahi metode majoriti ulama fiqh. Maka jelaslah bahawa mengamalkan hadis daif bukanlah suatu bidaah, melainkan jika ada dalil-dalil lain yang kukuh yang menjadikannya dapat dianggap sebagai bidaah seperti percanggahannya dengan nas al-Quran atau hadis sahih dan sebagainya. Jika tidak, ia hanya boleh dikatakan sebagai pendapat yang lemah atau ditolak, tetapi bukan bidaah.

Memang kita digalakkan untuk beramal dengan hadis-hadis yang kuat, namun dalam setiap masalah itu bukan semua ada diriwayatkan mengenainya hadis yang sabit (yakni sahih atau hasan). Di samping ada sudut-sudut fiqh dan kaedahnya yang perlu dikuasai dengan baik, dan adakalanya ia berbeza antara satu mazhab dengan yang lain. Sesuatu perkara yang hanya dianjurkan dalam hadis daif dan tiada sebarang nas yang melarang juga perlu difahami dengan masak.

Hukum Sunat Atau Mustahab Dengan Hadis Daif

Ada didapati di dalam sebahagian kitab-kitab fiqh amalan yang disebut sebagai sunat atau mustahab, namun ia tidak disandarkan kepada hadis sahih yang jelas. Sebahagian ulama menyatakan tidak boleh mengiktikadkan sebagai sunat atau mustahab amalan yang diambil daripada hadis daif.

Menjawab persoalan ini, al-'Allamah Sayyid 'Alawi al-Maliki mengulas bahawa tiada makna untuk beramal dengan hadis daif pada umpama amalan (fadha'il) yang kita amalkan melainkan ianya **dituntut secara tuntutan yang tidak jazam** (sungguh-sungguh), justeru ia adalah sunat. Jika ianya sunat, maka harus mengiktikadkannya sebagai sunat. (*al-Manhal al-Latif*, hlm. 19)

Demikian juga pendapat al-'Allamah Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi dalam *Manhaj Zawi al-Nazar* (hlm. 97) ketika mengulas syarat ketiga; "tidak mengiktikadkan ketika beramal dengannya sebagai sabit". Menurut al-'Allamah Syeikh Hasan al-Masysyat dalam *Raf' al-Astar* (hlm. 187): "Mustahab berhujah dan beramal dengan hadis daif menurut pendapat yang masyhur, jika ianya berkaitan dengan fadha'il, iaitu fadha'il amal atau fadha'il individu…".

Menurut al-Hafiz as-Sakhawi, kata Ibn 'Abd al-Barr: "Para ulama ber*tasahul* pada hadis sekiranya ia daripada fadha'il amal". Jika ditanyakan: Bagaimana hal ini, sedangkan mereka mensyaratkan pada harus beramal dengan hadis daif itu tidak mengiktikadkan sabitnya? Kami jawab: Dengan menanggungkannya di atas hadis yang sahih yang bukan bersifat *qat'i* (lawan *zanni*) di mana ia mungkin juga tidak sahih pada hakikatnya, **atau** dengan menanggungkannya jika ianya bersifat umum di mana merangkumi yang daif dalam mengiktikadkan kesabitannya dari sudut ia termasuk sekali dalam perkara-perkara yang umum, bukannya dari sudut sanad tersebut. (*al-Maqasid al-Hasanah*)

Kata Imam al-Nawawi (w. 676H) dalam *al-Azkar*: "Kata para ulama dari kalangan muhaddithin, fuqaha' dan lain-lain: Harus dan mustahab beramal dalam fadha'il dan *al-targhib wa al-tarhib* dengan hadis daif, selama mana ia tidak *mawdu'*. Adapun hukum hakam seperti halal haram, jual beli, nikah, talak dan sebagainya, maka tidak boleh beramal padanya melainkan dengan hadis sahih atau hasan, kecuali ia untuk *ihtiyat* (berhati-hati) tentang sesuatu perkara daripadanya, sepertimana apabila diriwayatkan hadis daif tentang tegahan suatu jenis jual beli atau nikah, maka yang mustahab ialah menjauhkan diri daripadanya, namun ia tidak wajib." (al-Nawawi, 1994: 8)

Sekiranya hadis daif tidak memberi apa-apa nilai, sama ada sunat atau mustahab, nescaya para ulama tidak akan membenarkan dan menggalakkan dari awal-awal lagi untuk beramal dengan hadis daif dalam bab fadha'il amal, walaupun hanya untuk merebut kelebihan yang dinyatakan atau menjauhi ancaman yang diberitakan. Jelasnya, hukum sunat atau mustahab itu hakikatnya terkait dengan syarat-syarat penerimaan hadis daif yang telah pun dibincangkan, terutama ia hanya berkait fadha'il amal (maka ia tidak menetapkan sebarang usul hukum yang baru), kedaifan hadis tidak berat dan ia termasuk di bawah asal yang umum dalam syarak (maka terkeluar apa yang jelas direka-reka). Jika tidak cukup syarat-syaratnya, nescaya ia tidak menjadi sunat atau mustahab semata-mata ianya hadis daif.

Malah Imam Ibnu al-'Arabi al-Maliki yang dikatakan menolak hadis daif secara mutlak menyebut di dalam syarahnya *'Aridhah al-Ahwazi* tentang hadis mendoakan orang yang bersin lebih 3 kali: "Abu 'Isa telah meriwayatkan sebuah hadis perawi *majhul* (tidak dikenali sebagai ahli riwayat): 'Jika kamu suka kamu boleh mendoakannya dan jika kamu

suka tidak perlu mendoakannya', namun ianya sekalipun *majhul* adalah **mustahab** mengamalkannya kerana ia adalah satu doa dengan kebaikan, menghubungkan silaturrahim dengan rakan dan mengeratkan hubungan dengannya".

HADIS SANGAT DAIF

Hadis sangat daif ialah hadis yang pada sanadnya terdapat perawi yang di*jarh* atau dikritik secara berat, seperti sering melakukan kesilapan, kelalaian yang teruk, ingatan yang sangat lemah dan seumpamanya.

Meskipun disebut sebelum ini hadis yang sangat daif ini tidak boleh digunakan baik dalam ahkam mahu pun fada'il amal, *al-targhib wa al-tarhib* dan seumpamanya. Namun, beberapa kenyataan ulama ada menyatakan bahawa hadis daif boleh digunakan untuk fada'il amal dan seumpamanya selagi ia bukan hadis *mawdu'*. Kata Imam al-Nawawi (w. 676H) dalam *al-Azkar*: "Kata para ulama dari kalangan muhaddithin, fuqaha' dan lain-lain: Harus dan mustahab beramal dalam fadha'il dan *al-targhib wa al-tarhib* dengan hadis daif, selama mana ia tidak *mawdu'*" (al-Nawawi, 1994: 8). Pengecualian 'selama mana ia tidak *mawdu'*' ini seperti menggambarkan hadis yang sangat daif juga berada pada kedudukan yang sama dengan hadis daif.

Ahli hadis tidak menilai sesebuah hadis palsu kecuali selepas mengkajinya dari berbagai aspek. Bahkan, al-Hafiz al-Sakhawi menerangkan bahawa status seorang perawi meskipun dicap pendusta, bukan satu-satunya aspek yang menentukan sesebuah hadis mawdu' atau tidak. Beliau menyebut dalam *Fath al-Mughith*: "Ini di samping semata-mata *tafarrud* seorang pendusta, bahkan seorang pemalsu hadis, walaupun selepas sehabis-habis sempurna dalam membuat kajian daripada seorang hafiz yang luas ilmunya dan sempurna penelitiannya, masih tidak memestikan hal tersebut (dihukum sebagai *mawdu'*). Bahkan, tidak boleh tidak perlu ada bersamanya sokongan sesuatu yang lain, sebagaimana yang akan dijelaskan." (al-Sakhawi, 1403: 1/255)

Sebagaimana harus seorang perawi thiqah itu tersilap, lupa atau keliru, maka harus juga seorang perawi pendusta itu berlaku jujur atau seorang yang banyak silap itu menepati yang benar. (al-Suyuti, 1993: 39-40)

Malah berdasarkan amalan ulama fiqh, didapati ada hadis hukum yang diamalkan mengandungi perawi yang sangat lemah. Memang ramai yang masih keliru apabila membincangkan kaedah-kaedah hadis ketika bertembung antara praktis ahli hadis dan praktis ahli fiqh. Terdapat beberapa persoalan yang perlu kita amati; Apakah kaedah umum dapat dipraktikkan kepada semua masalah khusus? Apakah masalah-masalah khusus dapat membina kaedah umum? Apakah boleh diambil kira *zan* ulama terhadap matan hadis dan sejauhmana tahap *jarh* kepada perawi?

Pembahagian Hadis Sangat Daif

Al-Hafiz Ibn al-Jawzi dalam kitab *al-Mawdu'at* telah membahagikan hadis kepada enam jenis, iaitu:

1. Hadis yang disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim.
2. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari atau Muslim secara berasingan.
3. Hadis yang sahih sanadnya menurut syarat al-Bukhari atau Muslim.
4. Hadis yang ada sedikit kedaifan, namun masih diterima, iaitu hadis hasan.
5. Hadis yang sangat daif dan amat goyah. Jenis ini berbeza-beza peringkatnya di sisi ulama; sebahagian mereka mendekatkannya dengan hadis-hadis hasan dan menyangka ianya tidaklah besar goyahnya, dan sebahagian mereka pula melihat kuat goyahnya, lalu disertakan dengan hadis-hadis mawdu'.
6. Hadis mawdu' yang sudah pasti ianya mustahil dan dusta.

Berdasarkan jenis kelima di atas, Syeikh Habib Ahmad al-Kiranawi dalam *Qawa'id fi 'Ilm al-Hadith* menyatakan bahawa hadis yang sangat daif ini terbahagi kepada dua, iaitu:

a. Hadis yang disepakati ianya sangat daif. Jenis ini tidak boleh dibuat hujah sama sekali.
b. Hadis yang diperselisihkan tahap sangat daifnya. Jenis ini kemungkinan masih diguna untuk dibuat hujah. (al-Kiranawi 1990: 53)

Pembahagian hadis sangat daif kepada dua jenis ini juga mungkin dapat diambil daripada kata-kata al-Hafiz al-Zahabi dalam kitab *al-Muqizah*: "*Mawdu'* ialah hadis yang matannya bertentangan dengan kaedah-kaedah syarak dan perawinya pula pendusta, seperti kitab *al-Arba'in al-Wad'aniyyah* dan nuskhah 'Ali al-Ridha yang didustakan ke atasnya. Ia ada beberapa peringkat:

i. Antaranya: hadis yang disepakati bahawa ianya dusta, dan ia diketahui dengan pengakuan pembuatnya, dengan mengenal pasti tanda dusta daripadanya, dan sebagainya.
ii. Antaranya lagi: hadis yang kebanyakan ulama mengatakannya mawdu', manakala sebahagian ulama yang lain pula mengatakannya sebagai hadis yang gugur dibuang [*saqit matruh*]. Namun, kami tidak berani untuk menamakannya sebagai *mawdu'*.
iii. Antaranya lagi: hadis yang jumhur mengatakannya sebagai lemah dan gugur, manakala sebahagian yang lain pula mengatakannya sebagai dusta." (al-Zahabi 2000: 36)

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, maka jenis hadis sangat daif yang disepakati dan tidak mempunyai dalil-dalil sokongan memang tiada ruang untuk ia diguna pakai dan wajar ditinggalkan. Manakala jenis hadis sangat daif yang diperselisihkan antara daif dan sangat daif, serta mempunyai dalil-dalil sokongan, kemungkinan masih ada ruang untuk diguna pakai. Justeru, perlu dilihat dan diteliti kesemua aspek untuk membuat penentuan daripada jenis mana sesuatu hadis tersebut. Jika ulama akan meninggalkan riwayat perawi yang disepakati ditinggalkan مجمع على تركه. Bagaimana pula dengan riwayat perawi yang tidak disepakati ditinggalkan لا مجمع على تركه?

Penulis berpendapat, kebanyakan hadis yang dikatakan sangat daif yang diguna pakai dalam fada'il amal itu sebenarnya adalah hadis yang diperselisihkan ulama antara daif dan sangat daif. Ini disebabkan sanadnya ada perawi yang tidak disepakati untuk ditinggalkan oleh ahli hadis, walaupun mendapat *jarh syadid* oleh sesetengah ahli hadis, atau kerana terdapat dalil-dalil atau riwayat-riwayat sokongan lain yang barangkali menguatkannya. Kata Imam al-Ramli: "Hadis-hadis yang sangat daif apabila sebahagiannya bergabung dengan sebahagian yang lain, ia dapat dibuat hujah dalam bab ini (fadha'il amal)" (*al-Manhal al-Latif*, hlm. 31). Kata al-Hafiz Ibn 'Abd al-Bar: "Hadis-hadis fada'il itu, tidak memerlukan padanya kepada orang (perawi) yang boleh dibuat hujah dengannya". (al-Sakhawi, 1403: 288)

Jelasnya, hadis seumpama ini masih dapat diterima oleh sebahagian ulama. Barangkali ia juga termasuk maksud 'harus beramal dengan hadis daif dalam ahkam' menurut sebahagian ulama. Dalam erti kata lain, pernyataan 'tidak boleh menggunakan hadis yang sangat daif' adalah dengan maksud yang disepakati, adapun yang tidak disepakati tidak diterima secara mutlak oleh sebahagian ulama kerana wujudnya faktor-faktor tertentu seperti khilaf pada perawi, wujud hujah-hujah sokongan dan status hadis yang berbeza antara para ulama.

Meskipun sebahagian ulama hadis tidak menerima pandangan ini. Namun, secara zahirnya, berdasarkan kepada praktis ulama seperti al-Hafiz al-Bayhaqi, al-Hafiz Ibn as-Solah, al-Hafiz al-Munziri, al-Hafiz al-'Iraqi, al-Hafiz al-Haithami, al-Hafiz Ibn Nasiriddin ad-Dimasyqi, al-Hafiz al-Sakhawi, al-Hafiz al-Suyuti, al-Hafiz Ibn 'Arraq, Imam Ibn Hajar al-Haitami, Syeikh al-Hadith Maulana Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi pengarang *Fada'il Amal* dan lain-lain menunjukkan bahawa hadis yang sangat daif masih ada ruang untuk diguna pakai dalam bab fada'il amal atau *al-targhib wa al-tarhib*.

Kata Imam as-Suyuti dalam *Tadrib al-Rawi*: "[Adapun daif kerana kefasikan perawi] atau kebohongannya, [maka tidak dapat memberi kesan padanya dengan kesepakatan orang lain] terhadapnya, jika orang lain tersebut juga sepertinya kerana kedaifan yang kuat dan kelesuan penyokong berkenaan. Ya, ia dapat meningkat dengan himpunan jalan-jalan riwayatnya daripada kedudukannya sebagai *munkar* atau tiada asal baginya (لا أصل له). Ini telah dijelaskan oleh Syeikhul Islam (Ibn Hajar) katanya: Bahkan, kemungkinan banyak jalan-jalan riwayatnya sehingga menyampaikannya kepada darjat perawi yang *mastur* (tidak diketahui sebagai ahli riwayat) yang buruk hafazannya, di mana sekiranya ada didapati baginya satu jalan riwayat lain yang hanya terdapat padanya kedaifan yang ringan dan ada kemungkinan, maka ia meningkat dengan himpunan yang demikian itu kepada darjat hasan (*li-ghairih*)."

Tahap Kebolehpercayaan

Hadis yang sangat daif ini adalah hadis yang kemungkinan tidak wujud sekiranya tiada sebarang sokongan kerana tahap kebolehpercayaan perawinya amat rendah. Namun, masih tidak dapat disebut ia sebagai hadis rekaan atau mawdu' kerana perawinya bukan pendusta atau dicap pendusta.

Walaupun tahap kebolehpercayaan kepada perawi amat rendah, namun ahli hadis yang berkepakaran tinggi mempunyai *zauq* seni hadis yang membolehkan mereka menentukan sama ada hadis tersebut ada asalnya ataupun tidak. Ini bergantung kepada dalil-dalil atau riwayat-riwayat sokongan. Maksud 'ada asalnya' ialah makna yang dikongsi sama isi kandungnya oleh hadis-hadis atau dalil-dalil sokongan yang lain. Bagaimanapun, dalam mengukur hal inilah berlakunya perselisihan di kalangan ulama hadis tentang status sesuatu hadis.

Misalnya, hadis: "Sesiapa yang menghafal 40 hadis akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai faqih". Hadis ini dan yang seumpamanya mempunyai 15 jalan riwayat antara daif, sangat daif dan palsu. Maka, ini dapat menunjukkan bahawa hadis tersebut ada asalnya kerana jalan-jalan riwayatnya yang amat banyak. Namun, kebanyakan ulama hadis muktabar tidak menghukumkannya boleh meningkat kepada status hasan, kecuali ada setengah ulama seperti al-Hafiz Ibn 'Asakir dalam (الأربعين البلدانية) menyebut: "Akan tetapi hadis-hadis daif jika bergabung antara satu sama lain akan menjadi kuat, terutama hadis yang tiada padanya menyabitkan sebarang hukum fardhu". Kata Mulla 'Ali al-Qari dalam (مرقاة المفاتيح): "Adapun dengan melihat kepada himpunan jalan-jalan riwayatnya, maka ianya hasan *li-ghairih*, ia meningkat daripada darjat daif kepada darjat hasan".

Cara Penyampaian Hadis Daif

Para ulama telah menunjukkan cara bagaimana untuk menyampaikan hadis daif ini, iaitu dengan menggunakan *sighah tamridh*.

Sighah tamridh ialah lafaz atau ungkapan yang menunjukkan kelemahan status hadis semasa ingin menuturkannya atau pun membacanya, iaitu seperti kita kata: "Ada diriwayatkan dalam sebuah hadis..." atau "Ada dicatatkan dalam kitab sekian bahawa..." atau "Ada dihikayatkan bahawa..." atau "Ada dikhabarkan bahawa..." atau "Ada dikatakan dalam satu riwayat..." dan sebagainya. Asalkan tidak menyandarkannya secara sabit dan pasti sebagai ucapan sabda Nabi SAW. Lafaz-lafaz sedemikian dianggap menunjukkan kedaifan hadis tersebut.

Lawan kepada *sighah tamridh* ialah *sighah jazam* (pasti), iaitu lafaz atau ungkapan yang menunjukkan kesabitan hadis, seperti ungkapan: "Nabi s.a.w. bersabda:...", "Sabda Nabi s.a.w.:..." dan seumpamanya. Ini adalah sebagaimana amalan para ulama muhaddithin yang muktabar.

ISU-ISU SEKITAR HADITH DA'IF

(a) Masalah kedudukan hadith da'if yang diterima pakai ramai umat Islam :

Sebahagian ulama berpendapat adalah harus beramal dengan hadith da'if apabila ia diterima secara meluas/berterusan oleh umat Islam, di mana mereka beramal dengan isi kandungnya. Maka, amalan umat Islam sebegini dapat dianggap sebagai *tashih* terhadap kedudukan hadith tersebut. al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī menyatakan bahawa apabila umat Islam

menerima secara meluas suatu hadith da‘if, maka ia harus diamalkan menurut pendapat yang sahih.[4]

al-Hafiz Ibnu Abdil Barr di dalam kitab *al-Tamhid* telah mencatatkan bahawa Imam al-Tirmizi telah meriwayatkan bahawa Imam al-Bukhari telah menghukum sahih hadis: (هو الطهور ماؤه والحل ميتته) “Ia (air laut) adalah suci airnya dan halal bangkainya”, meskipun beliau mengetahui *‘illah* (kecacatan) padanya. al-Hafiz Ibnu Abdil Barr mengulas: “Saya tidak tahu apa makna ini daripada Imam al-Bukhari رحمه الله, sekiranya ia sahih di sisinya nescaya beliau mengeluarkannya di dalam kitab Sahihnya, namun beliau tidak berbuat begitu kerana beliau tidak berpegang pada hadis sahih melainkan kepada sanadnya. Sedangkan hadis ini, ahli hadis tidak pun berhujah dengan sanad yang seperti ini, namun ia di sisiku sahih kerana para ulama telah menerimanya dengan penerimaan berterusan dan beramal dengannya.”

Hadis yang diterima oleh ulama secara berterusan, maka ia adalah hadis makbul, walaupun tidak memenuhi syarat-syarat hadis sahih kerana ummah tidak berhimpun di atas perkara kesesatan (*Wazifah al-Hadith al-Da‘if*, hlm. 23). Menurut al-Hafiz as-Sakhawi dalam *Fath al-Mughith*: “Apabila ummah menerima hadis daif dengan penerimaan berterusan ia boleh diamalkan menurut pendapat yang sahih…”.

Masalah ini telah dihuraikan dengan detail oleh Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ Abu Ghuddah di bahagian akhir kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah*[5] yang dinukilkan daripada tulisan al-‘Allāmah Syeikh Ḥusayn ibn Muḥsin al-Anṣārī al-Yamānī (m. 1327H) di dalam risalahnya *al-Tuḥfah al-Marḍiyyah fi Ḥall Ba‘ḍ al-Musykilāt al-Ḥadīthiyyah*.

Antara contoh hadith da‘if yang diterima dan diamal oleh ramai umat Islam ialah hadith berkaitan dengan talqin. al-‘Allāmah Ḥusayn ibn Muḥsin al-Anṣārī membawakan kata-kata Ibn al-Qayyim yang menyebut di dalam kitab *al-Rūḥ* bahawa hadith tersebut adalah da‘if yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī di dalam *Mu‘jam*nya daripada Abū Umāmah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ ، فَسَوَّيْتُمِ عَلَيهِ التُّرَابَ، فَلْيَقُمْ أَحَدُكُمْ عَلَى رَأْسِ قَبْرِهِ، ثُمَّ يَقُولُ : يَا فُلاَنَ بْنَ فُلاَنَةَ، فَإِنَّهُ يَسْمَعُ وَلاَ يُجِيبُ، ثُمَّ لِيَقُلْ : يَا فُلاَنَ بْنَ فُلاَنَةَ، فَإِنَّهُ يَسْتَوِي قَاعِدًا، ثُمَّ لِيَقُلْ : يَا فُلاَنَ بْنَ فُلاَنَةَ، فَإِنَّهُ يَقُولُ : أَرْشِدْنَا رَحِمَكَ اللّٰهُ، وَلَكِنّكُم لاَ تَسمَعُونَ . فَيَقُولُ : اذْكُرْ مَا خَرَجْتَ عَلَيْهِ مِنَ الدُّنْيَا شَهَادَةَ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللّٰهُ، وَأَنَّكَ رَضِيت بِاللّٰهِ رَبًّا، وَبِالإِسْلاَمِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا، وَبِالْقُرْآنِ إِمَامًا، فَإِنَّ مُنْكَرًا وَنَكِيرًا يَتأَخَّر كل وَاحِدٍ مِنْهُمْا وَيَقُولُ : انْطَلِقْ بِنَا مَا يُقعدنا عِنْدَ هذا وقَدْ لُقِّنَ حُجَّتَهُ، وَيَكُونُ اللّٰهُ ورسوله حَجِيجَهُ

[4] ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1994), *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As’ilah al-‘Asyarah al-Kāmilah,* Halab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, c. 3, h. 51-52.
[5] *Ibid.*, h. 228-238.

دُونَهُمَا. فَقَالَ رَجُلٌ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَإِنْ لَمْ يَعْرِفْ أُمَّهُ؟ قَالَ : فَيَنْسُبُهُ إِلَى أمه حَوَّاءَ، يَا فُلاَنَ بْنَ حَوَّاءَ .

Terjemahan: "Apabila mati salah seorang kamu, lalu kamu ratakan tanah ke atasnya, maka hendaklah bangun salah seorang dari kamu di atas bahagian kepala kuburnya, kemudian berkata: Wahai fulan ibn fulanah! Sesungguhnya ia mendengar tetapi tidak dapat menjawab. Kemudian katalah: Wahai fulan ibn fulanah!, kali kedua. Sesungguhnya ia mula duduk. Kemudian katalah: Wahai fulan ibn fulanah! Lalu ia menjawab: Bimbinglah kami, semoga Allah merahmati kamu. Akan tetapi kamu semua tidak dapat mendengarnya. Maka katakanlah: Ingatlah apa yang kamu bawa keluar bersama daripada dunia ini, iaitu penyaksian bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan Allah. Sesungguhnya kamu telah reda bahawa Allah sebagai Tuhan kamu, Islam sebagai agama kamu, Muhammad sebagai nabi kamu dan al-Quran sebagai imam/pemimpin kamu. Sesungguhnya malaikat Munkar dan Nakir masing-masing berundur dan berkata: Mari kita pergi, apa lagi yang membuatkan kita duduk di sisi orang ini, sedang dia telah ditalqinkan hujahnya? Dan Allah dan RasulNya menjadi hujah baginya terhadap dua malaikat itu. Lantas seorang lelaki bertanya: Wahai Rasulullah, sekiranya dia tidak tahu nama ibunya? Jawab baginda: Hendaklah dinasabkan kepada ibunya Hawwa', iaitu wahai fulan ibn Hawwa'".[6]

Hadith Riwayat al-Ṭabarānī

Menurut Ibn al-Qayyim, hadith tersebut walaupun tidak sabit, namun berterusan pengamalannya di banyak negeri dan di pelbagai zaman, tanpa sebarang bantahan alim ulama adalah sudah memadai untuk beramal dengannya.[7] Demikian pandangan yang turut disepakati oleh Syeikh 'Abd al-Fattāḥ.

(b) Dakwaan bahawa pengertian hadith da'if di sisi Imam Aḥmad ibn Ḥanbal ialah hadith hasan.

Menurut Syeikh Ibn Taymiyyah, sepertimana di dalam *al-Tuḥfah al-Marḍiyyah*:[8]

---

[6] *Ibid*., h. 231-232. lihat: Abū al-Qāsim Sulaymān ibn Aḥmad al-Ṭabarānī (1986), *al-Mu'jam al-Kabīr*, no. hadith: 7907.

[7] *Ibid*., h. 231-232. Kebanyakan para ulama di dalam keempat-empat mazhab, iaitu ; Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali, tidak pun melarang amalan talqin ini, bahkan ianya adalah harus, malah ada yang menghukumkan sebagai mustahab. (Lihat: Maḥmūd Sa'īd Mamdūḥ (2003), *Kasyf al-Sutūr 'ammā Usykil min Aḥkām al-Qubūr*, Dubai : Dār al-Faqīh, h. 245-250).

[8] Disebut oleh Ibn Taymiyyah di dalam kitabnya *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah* (2:191), seperti yang dinukil oleh Syeikh 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah di dalam : 'Abd al-Ḥay al-Laknawī (1987), *al-Raf' wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, c. 3, h. 75, & 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1994), *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As'ilah al-'Asyarah al-Kāmilah,* Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, c. 3, h. 47.

"Penetapan darjat hasan adalah suatu pengistilahan al-Tirmidhī, sedangkan ulama hadith selain al-Tirmidhi hanya membahagikan hadith kepada sahih dan daif sahaja. Daif menurut mereka ialah hadith yang rendah daripada darjat sahih. Bolehjadi ianya ditinggalkan kerana perawinya dituduh berdusta atau banyak silapnya, dan bolehjadi ianya hasan kerana perawinya tidak dituduh berdusta. Inilah maksud kata-kata Imam Aḥmad : Beramal dengan daif adalah lebih utama daripada qiyās".[9]

Dakwaan ini telah dikritik oleh ramai ulama. Syeikh Muḥammad 'Awwāmah, yang turut disokong oleh gurunya Syeikh 'Abd al-Fattāḥ Abu Ghuddah, telah menganalisis dakwaan Ibn Taimiyyah tersebut di dalam suatu perbahasan. Syeikh 'Abd al-Fattāḥ turut memuatkan isi perbahasan tersebut di dalam ulasannya terhadap kitab *Qawā'id fi 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh Syeikh Ẓafar Aḥmad al-'Uthmānī al-Tahānawī[10], malah beliau turut membuat beberapa penambahan fakta.[11]

Secara ringkas, dakwaan Ibn Taymiyyah bahawa hadith menurut ulama terdahulu hanya terbahagi kepada sahih dan daif sahaja, dan darjat hasan pula adalah istilah baru yang dibuat oleh al-Tirmidhī, adalah dakwaan yang tidak tepat. Ini kerana istilah hasan sebenarnya telah digunapakai oleh ramai ulama sebelum al-Tirmidhī lagi, seperti Imam Aḥmad ibn Ḥanbal sendiri, 'Alī ibn al-Madīnī, Imam al-Bukhārī, Ya'qūb ibn Syaybah, Muḥammad ibn 'Abd Allah ibn Numayr, Abū Ḥātim al-Rāzī, Imam al-Syāfi'ī, Abū Zur'ah al-Rāzī dan lain-lain. Sebagai contohnya, di dalam kitab *al-'Ilal al-Kabīr*, al-Tirmidhī pernah bertanya kepada Imam al-Bukhārī tentang hadith-hadith berkaitan tempoh masa menyapu ke atas khuf, lalu jawab al-Bukhārī : "Hadith Ṣafwān ibn 'Assāl adalah sahih, dan hadith Abū Bakrah adalah hasan". Malah Ibn Taymiyyah sendiri pernah menukilkan di dalam *Risālah fī Tafḍīl Abī Bakr 'alā 'Alī*, bahawa Imam Aḥmad dan al-

---

[9] Ẓafar Aḥmad al-Tahānawī (1996), *Qawā'id fi 'Ulūm al-Ḥadīth,* Kaherah : Dār al-Salām, c. 6, h. 100.

[10] Beliau dilahirkan pada 13 Rabiul Awwal tahun 1310 H di Deoband. Antara guru-guru yang beliau pelajari ilmu daripada mereka ialah Syeikh Muḥammad Yāsīn, pakciknya Ḥakīm al-Ummah Mawlānā Muḥammad Asyraf 'Alī al-Tahānawī, Mawlānā Muḥammad 'Abd Allah al-Gangūhī, abangnya Mawlānā Sa'īd Aḥmad, Mawlānā Muḥammad Isḥāq al-Bardawānī, Mawlānā Muḥammad Rasyīd al-Kānpūrī dan Mawlānā Khalīl Aḥmad al-Sahāranpūrī dan lain-lain. Kariernya bermula sebagai seorang tenaga pengajar di Madrasah Maẓāhir al-'Ulūm di Saharanpur. Kemudian beliau bertukar ke Madrasah Imdād al-'Ulūm di Tahanah Bahwan. Setelah itu, beliau ke Dakka di Timur Pakistan (sebelum wujud nama Bangladesh) dan menyumbangkan tenaganya mengajar di sana selama 8 tahun. Beliau juga mengasaskan di sana al-Jāmi'ah al-Qur'āniyyah al-'Arabiyyah. Kemudian beliau telah berpindah pula ke Barat Pakistan (Pakistan sekarang) di Asyraf Abad dan mengajar di Dār al-'Ulūm al-Islāmiyyah. Antara karya-karyanya ialah kitab *I'lā' al-Sunan*, yang dikarangnya selama hampir 20 tahun, berserta mukadimahnya *Inhā' al-Sakan ilā Man Yuṭāli' I'lā' al-Sunan*, *Injā' al-Waṭan 'an al-Izdirā' bi Imām al-Zaman*, *Dalā'il al-Qur'ān 'alā Masā'il al-Nu'mān*, *Kasyf al-Dujā 'an Wajh al-Ribā* dan *al-Fatāwā al-Imdādiyyah*, serta kitab-kitab berbahasa Urdu seperti *al-Qawl al-Matīn fī al-Ikhfā' bi Āmīn*, *Syaq al-Ghayn 'an Ḥaq Raf' al-Yadayn*, *Raḥmah al-Quddūs fī Tarjamah Bahjah al-Nufūs* dan *Fātiḥah al-Kalām fī al-Qirā'ah Khalf al-Imām*. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1394 H. Lihat: Ẓafar Aḥmad al-Tahānawī (1996), *Qawā'id fi 'Ulūm al-Ḥadīth,* Kaherah : Dār al-Salām, c. 6, h. 8-10.

[11] *Ibid.*, h. 100-108. Syeikh 'Abd al-Fattāḥ pada mulanya tidak memberi sebarang komentar terhadap dakwaan bahawa hadith da'if yang dimaksudkan Imam Aḥmad itu ialah hadith hasan, seperti yang dapat dilihat dalam nota kaki kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah* oleh Imam al-Laknawī halaman 47-49. Penjelasan masalah ini turut disentuh oleh Syeikh 'Abd al-Fattāḥ secara sepintas lalu di dalam tahkiknya terhadap kitab *al-Raf' wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* oleh Imam al-Laknawī halaman 75-76.

Tirmidhī telah menghukum hasan bagi hadith : "Barangsiapa yang aku adalah tuannya, maka 'Alī juga adalah tuannya". Maka, jelaslah bahawa istilah hasan bukanlah istilah baru yang dibuat oleh al-Tirmidhī dan beliau sebenarnya hanya mempopularkan istilah berkenaan di dalam kitab *al-Sunan*nya.[12]

Dakwaan Ibn Taymiyyah bahawa hadith da'if di sisi Imam Aḥmad ialah hadith hasan menurut al-Tirmidhī adalah dakwaan yang tidak tepat. Ini kerana hadith da'if yang dimaksudkan oleh Imam Aḥmad adalah hadith daif sebenar yang tidak mencukupi syarat-syarat penerimaan hadith, yang menurut pendapatnya lebih kuat daripada *al-ra'y* (ijtihad ulama). Malah tidak ada faedah jika ditafsirkan kata-kata beliau sebagai ; hadith hasan itu lebih kuat daripada *al-ra'y* (ijtihad ulama), kerana sudah dimaklumi bahawa hadith hasan menjadi hujah seperti hadith sahih menurut ulama-ulama terdahulu, dan tidak ada siapa yang menafikannya kecuali pada pendapat Abū Ḥātim dan al-Qāḍī Ibn al-'Arabī yang mana ianya memerlukan kepada penyelidikan lanjut.[13]

(c) Imam al-Bukhārī tidak melarang daripada mengambil hadith ḍa'īf secara mutlak

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Imam al-Bukhārī melarang daripada mengambil hadith ḍa'īf secara mutlak, tanpa membezakan sama ada di dalam perkara *aḥkām* (hukum-hakam) mahupun *faḍā'il* (kelebihan amalan). Pendapat tersebut ada dinyatakan oleh Syeikh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī di dalam *Qawā'id al-Taḥdīth* dan juga Syeikh Muḥammad Zāhid al-Kawtharī di dalam *Maqālāt al-Kawtharī*.

Bagaimanapun, pendapat tersebut sebenarnya tidak tepat sama sekali, sebagaimana yang dapat dilihat secara analisis di dalam kitab al-Bukhārī sendiri yang berjudul *al-Adab al-Mufrad*. Di dalam kitab berkenaan, Imam al-Bukhārī banyak memuatkan hadith-hadith ḍa'īf kerana kitab tersebut disusun oleh beliau di atas landasan *faḍā'il*. Malah di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* juga terdapat sebilangan hadith-hadith *faḍā'il*nya yang bersanad longgar. Maka, jelaslah bahawa pendirian Imam al-Bukhārī sebenarnya adalah seiring dengan pendirian jumhur ulama dalam melonggarkan sanad hadith-hadith *faḍā'il*, ataupun dalam beramal dengan hadith ḍa'īf di dalam perkara-perkara *faḍā'il* dan motivasi (*al-targhīb wa al-tarhīb*).[14]

---

[12] *Ibid.*, h. 101-106.

[13] *Ibid.*, h. 106-108. Pandangan yang masyhur disebut-sebut daripada Ibn al-'Arabī ialah menolak hadith daif secara total, sepertimana contohnya, disebut oleh al-Sakhāwī di dalam *al-Qawl al-Badī'*. Bagaimanapun, Syeikh 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah berpendapat bahawa pendirian Ibn al-'Arabī terhadap hadith daif juga sebenarnya adalah sama seperti pendirian jumhur ulama. Ini berdasarkan pandangan beliau terhadap beberapa hadith daif di dalam kitabnya *Marāqī al-Zulaf*. Contohnya, pada hadith : "Didoakan orang yang bersin sebanyak tiga kali...", beliau menyebut : "Hadith ini meskipun pada sanadnya ada perawi *majhūl*, akan tetapi *mustaḥab* beramal dengannya, kerana ianya berbentuk mendoakan kebaikan, bersilaturrahim dan mengasihi saudara, justeru itu adalah lebih utama beramal dengannya". (lihat : 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, ed. (1997), *Thalāth Rasā'il fī Istiḥbāb al-Du'ā' wa Raf' al-Yadayn ba'd al-Ṣalawāt al-Maktūbah*. Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, h. 102 & 143)

[14] 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1996), *Ẓafar al-Amānī fī Syarḥ Mukhtaṣar al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānī*, Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, h. 182-186.

al-Hafiz Ibnu Hajar telah menyebutkan di dalam *Hadyu al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari* satu fasal khusus untuk menjawab mengenai perawi-perawi yang dikritik dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, iaitu (الفصل التاسع في سياق أسماء من طعن فيه من رجال هذا الكتاب). Kebanyakan hadis-hadis mereka adalah sebagai hadis *mu'allaq* atau *mutaba'ah* (hadis yang dijadikan sokongan bagi hadis-hadis yang lebih sahih).

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, hadis-hadis *mu'allaq* dalam *Sahih al-Bukhārī* tidak semuanya sahih, kerana terdapat sebahagian kecilnya yang lemah. Jumlah kesemua *mu'allaq*nya ialah 1,341 hadis, yang kebanyakannya disebut secara *muttasil* di tempat lain kecuali pada 160 hadis.[15]

(d) Maksud kata-kata pengkritik hadith: (لا يصح) "Tidak sah"

Perbincangan ini memerlukan kaedah yang membezakan antara kata-kata ahli hadith : (لا يصح) terhadap hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab *Aḥādīth al-Aḥkām*, dengan kata-kata ahli hadith : (لا يصح) terhadap hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab *al-Mawḍū'āt*, *al-Ḍu'afā'*, *al-Majrūḥīn* dan *al-Rijāl*. Ada yang menyebut:

> "Tidak semestinya dari kata-kata ahli hadith : 'Tidak sah atau tidak sabit hadith ini', bermaksud bahawa ia adalah hadith *mawḍū'* atau daif. Demikian juga tidak semestinya dari kata-kata mereka : 'Tidak sah atau tidak sabit suatu hadith pun dalam bab ini', bermaksud bahawa tidak ada satu pun hadith yang bertaraf hasan".[16]

Menurut Syeikh 'Abd al-Fattāḥ Abu Ghuddah, pendapat ini turut disebut oleh Imam al-Laknawī dalam kitabnya *al-Raf' wa al-Takmīl* yang mengikut pendapat Syeikh 'Alī al-Qārī dalam *al-Maṣnū'* dan Imam al-Zarkasyī dalam *al-Nukat 'alā Ibn al-Ṣalāḥ*. Bagaimanapun, Syeikh'Abd al-Fattāḥ menyebut bahawa kenyataan tersebut adalah benar sekiranya ditujukan kepada hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab *Aḥādīth al-Aḥkām*. Adapun jika ditujukan kepada hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab *al-Mawḍū'āt* dan *al-Ḍu'afā'*, maka kenyataan berkenaan adalah tidak benar kerana tujuan pengarang-pengarangnya ialah bagi menghukum hadith-hadith tersebut sebagai *mawḍū'*.[17] Meskipun hukum mereka itu, bukan semestinya yang muktamad.

Menurut Syeikh 'Abd al-Fattāḥ, ramai ulama yang tidak membezakan antara dua penggunaan istilah berkenaan, antaranya sepertimana yang disebut oleh Imam Badr al-Dīn al-Zarkasyī, Imam al-Suyūṭī, Imam Ibn 'Arrāq, Mulla 'Alī al-Qārī, Imam 'Abd al-Ḥay al-Laknawī, Syeikh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, Syeikh Muḥammad al-Khaḍir Ḥusayn, Syeikh 'Abd al-Raḥman al-Mu'allimī, dan lain-lain. Kupasan masalah ini berserta contohnya disentuh dengan panjang lebar oleh beliau dalam mukadimah kitab *al-Maṣnū' fi Ma'rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū'* oleh Syeikh 'Ali ibn Sulṭān Muhammad al-Qārī al-

---

[15] al-Hafiz Ibn Hajar, 1: 492-493. Dr. Taqiyyuddin al-Nadwi (1994), *al-Imam al-Bukhari Imam al-Huffaz wa al-Muhaddithin*, Dimasyq: Dar al-Qalam, hlm. 101-103.
[16] Ẓafar Aḥmad al-Tahānawī (1996), *op.cit.*, h. 282.
[17] *Ibid.*, h. 282-283.

Harawī.[18] Beliau juga menjelaskan kaedah ini di dalam tahkiknya terhadap kitab *al-Raf‘ wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* oleh Imam ‘Abd al-Ḥay al-Laknawī,[19] *Ẓafar al-Amānī bi Syarḥ Mukhtaṣar al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānī* juga oleh al-Laknawī,[20] dan secara ringkas di awal kitab *al-Manār al-Munīf fi al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa‘īf* oleh Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah.[21]

(e) Benarkah Hadis Dhaif Tidak Boleh Dikempenkan Secara Meluas?

Soalan:

Benarkah hadis dhaif itu tidak boleh dikempenkan secara meluas kerana nanti orang jahil akan menganggap amalan dalam hadis dhaif itu ialah sunnah dan mereka akan menganggap ia memang datang dari Rasulullah SAW. Kerana hadis dhaif tidak boleh disandarkan kepada Rasulullah, ia hanya untuk fadhail amal ataupun galakan beramal sahaja??

Ulasan:

1. Syarat tersebut sebenarnya dikutip daripada komentar al-Hafiz Ibn Hajar dlm kitab beliau *Tabyinul 'Ajab bima Warada fi Syahr Rajab* tentang hadis-hadis kelebihan bulan Rajab. Nasnya:

ولكن اشتهر أن أهل العلم يتسامحون في إيراد الأحاديث في الفضائل وإن كان فيها ضعف، ما لم تكن موضوعة. وينبغي مع ذلك اشتراط أن يعتقد العامل كون ذلك الحديث ضعيفا، وأن لا يشهر بذلك، لئلا يعمل المرء بحديث ضعيف، فيشرع ما ليس بشرع، أو يراه بعض الجهال فيظن أنه سنة صحيحة. وقد صرح بمعنى ذلك الأستاذ أبو محمد بن عبد السلام وغيره. وليحذر المرء من دخوله تحت قوله ﷺ: "من حدث عني بحديث يرى أنه كذب فهو أحد الكذابين". فكيف بمن عمل به. ولا فرق في العمل بالحديث في الأحكام، أو في الفضائل، إذ الكل شرع. (تبيين العجب بما ورد في شهر رجب)

Maksudnya: "...tetapi telah masyhur bahawa ahli ilmu bertolak ansur dalam membawakan hadis-hadis tentang fadha’il, walaupun terdapat kedaifan padanya, selama mana ia belum palsu. Sewajarnya di samping itu, disyaratkan juga orang yang mengamalkannya beriktikad bahawa hadis itu adalah daif dan tidak memasyhurkannya (mempopularkannya), supaya seseorang itu tidak beramal dengan hadis daif hingga ia mensyariatkan apa yang bukan syarak, atau setengah org jahil akan melihatnya, lalu menyangka bahawa itu adalah sunnah yang sahih. Makna sebegini juga telah dinyatakan oleh al-Ustaz Abu Muhammad ibn Abd as-Salam dan lain-lain. Seseorang itu hendaklah

[18] ‘Ali ibn Sulṭān Muhammad al-Qārī al-Harawī (1994), *al-Maṣnū‘ fi Ma‘rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū‘*, Halab : Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, c. 5, h. 17-42.

[19] ‘Abd al-Ḥay al-Laknawī (1987), *al-Raf‘ wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, Halab : Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, c. 3, h. 191-195.

[20] ‘Abd al-Ḥay al-Laknawī (1996), *Ẓafar al-Amānī bi Syarḥ Mukhtaṣar al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānī*, Halab : Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, c. 3, h. 467-475.

[21] Syams al-Dīn Muhammad ibn Abī Bakr ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994), *op.cit.*, h. 17-18.

berwaspada dari termasuk ke bawah sabda baginda SAW: 'Sesiapa yg memberitakan daripadaku suatu hadis yang ia melihatnya sebagai dusta, maka dia adalah salah seorang daripada para pendusta’. Maka, bagaimana pula dengan orang yang beramal dengannya? Tiada beza dalam beramal dengan hadis sama ada dalam ahkam atau dalam fadha’il, kerana semuanya adalah syarak”.

2. Syarat ini kelihatan umum, walaupun dalam perbincngn yang khusus. Justeru, ia kemudian dikutip oleh sebahagian ilmuwan, lalu ditambah kepada 3 syarat sedia ada pada masalah beramal dengan hadis dhaif dalam fadhail amal. Demikian punca asal syarat tambahan ini dimasukkan dalam setengah kitab-kitab *'ulumul hadith* moden, iaitu hadis dhaif tidak boleh dimasyhurkan secara meluas kerana khuatir orang jahil akan menganggap amalan daripada hadis dhaif itu adalah sunnah yg sahih. Sedangkan syarat ini tidak ada dalam kitab-kitab *'ulumul hadith* klasik.

3. Berdasarkan penelitian lanjut, syarat tersebut kemungkinan belum diredaksi betul-betul oleh al-Hafiz Ibn Hajar. Setelah diredaksi semula, hanya 3 syarat sahaja yang ditetapkan oleh beliau sendiri untuk beramal dengan hadis dhaif dalam bab fadhail amal, sepertimana yang dituliskan kepada muridnya, al-Hafiz as-Sakhawi. Barangkali ini kerana beliau melihat praktis dan amalan ramai para ulama terdahulu, sejak zaman Salaf hingga ke zamannya, menunjukkan mereka tidak pun bersusah payah bersembunyi-sembunyi untuk mengamalkan hadis daif, istimewa dalam bab fadha’il. Sama ada mereka menyatakannya sebagai hadis daif, atau membawakan sokongan hujah umum atau mereka menyebutkannya dengan lafaz *tamridh* (mengisyaratkannya lemah). Maka, dakwaan "mensyariatkan apa yang bukan syarak atau orang jahil akan menyangka ia sebagai sunnah yang sahih” tidak berlaku jika semua orang mengetahui kaedah atau syarat berinteraksi dengan hadis daif. Bahkan, "mensyariatkan apa yang bukan syarak” pada hakikatnya hanya terjadi jika hadis daif itu berkaitan dengan penetapan dasar hukum atau akidah, bukannya sekadar fadha’il.

4. Hadis yang dibawakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar juga berkait secara langsung dengan hadis palsu. Sedangkan kedudukan hadis daif adalah berbeza dan punya pendetailan. Beliau turut menyatakan, "Tiada beza dalam beramal dengan hadis sama ada dalam ahkam atau dalam fadha’il”. Pernyataan umum ini agak bertentangan dengan pandangan beliau kemudian, boleh beramal dengan hadis dhaif dalam fadhail amal dengan syarat-syarat tertentu. Ini mengukuhkan lagi tanggapan bahawa beliau belum meredaksi betul-betul apa yang ditulis dalam kitabnya *Tabyinul 'Ajab bima Warada fi Syahr Rajab*.

5. Perhatikan kata-kata al-Hafiz al-Sakhawi (w. 902H) dalam kitabnya *al-Qawl al-Badi‘*: “Aku telah mendengar daripada guru kami (al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani) berulang kali memberitahu serta menuliskannya kepadaku dengan tangannya bahawa syarat-syarat beramal dengan hadith daif itu ada tiga:
i. Pertama, syarat yang disepakati oleh ulama, bahawa kedaifannya itu tidak berat. Maka, terkeluarlah hadis perawi yang bersendirian dari kalangan perawi pendusta atau yang dituduh berdusta dan juga perawi yang teruk kesilapannya.

ii. Kedua, ianya termasuk di bawah asal yang am/umum (dalam syarak daripada al-Quran atau hadis). Maka, terkeluarlah apa yang direka-reka, di mana ia sama sekali tidak mempunyai asal pada asalnya.
iii. Ketiga, tidak mengiktikadkan ketika beramal dengannya ia sabit (datang daripada Nabi SAW) supaya tidak menyandarkan kepada Nabi SAW apa yang tidak baginda katakan".

6. Ada pihak yang suka menggunakan syarat tambahan di atas untuk menyerang pihak lain. Malah ditambahkn hingga 5, 6 syarat kepada syarat-syarat beramal dengan hadis daif. Syarat-syarat yang ditambah itu kadang-kadang seperti menolak terus hadis daif secara halus kerana ia tidak dapat diimplementasi kecuali dalam skop yang agak sempit, iaitu hanya untuk galakan beramal sahaja. Bermakna, jika ada amalan-amalan tertentu, doa-doa tertentu, zikir-zikir tertentu, wirid-wirid tertentu, selawat-selawat tertentu dan seumpamanya yang hanya ada dalam hadis daif, maka ia tidak boleh diamalkan kerana mesti perlu ada hadis yang sahih dahulu. Tidak memadai dengan dalil yang umum. Dalam ertikata lain, ia tidak memberi apa-apa nilai kerana yang diamalkan sebenarnya hanya hadis yang sahih.

7. Pendapat mereka ini sebenarnya tidaklah menjadi masalah untuk dipegang. Apa yang menjadi masalah ialah apabila memaksakannya kepada pihak lain yang punya pandangan berbeza dan menyalahkan pandangan tersebut. Istimewa dalam mazhab Syafii, bab doa, zikir dan yang seumpamanya mempunyai ruang yang cukup luas, tidak sepertimana bab-bab yang lain. Sebagaimana yang dapat kita lihat praktiknya pada **kitab *'Amal al-Yaum wal-Lailah* oleh Imam Ibn as-Sunni, kitab *ad-Da'awat* oleh Imam al-Baihaqi, *Bidayah al-Hidayah* oleh Imam al-Ghazali, *al-Azkar* oleh Imam an-Nawawi, *al-Hisn al-Hasin* oleh Imam al-Jazari, *al-Qaul al-Badi'* oleh al-Hafiz as-Sakhawi, *'Amal al-Yaum wal-Lailah* dan *Da'i al-Falah fi Azkar al-Masa' wa as-Sobah* oleh Imam as-Suyuti,** dll.

8. Berdasarkan penjelasan di atas, pada pandangan saya, apa yang ditulis oleh al-Hafiz Ibnu Hajar kepada muridnya, al-Hafiz as-Sakhawi itu adalah garis panduan yang terkini dan terkemudian pada masalah beramal dengan hadis dhaif dalam fadhail amal. Jika tidak, pasti as-Sakhawi mnyebutkannya 4 syarat. Al-Hafiz as-Suyuti dalam *Tadrib ar-Rawi* juga tidak menyebut hingga 4, 5 syarat. Begitu juga ulama mutaakhirin seperti Imam al-Laknawi, Syeikh Tahir al-Jaza'iri, Syeikh Jamaluddin al-Qasimi, Dr. Nuruddin 'Itr, dll. Jika ada pihak yang tetap mahu menambah hingga 4, 5, 6 syarat sekalipun, sepatutnya tidak jadi masalah untuk kita tetap berpegang dengan pandangan para ulama muktabar Syafii kita dan berkhilaf dengan mrk.

9. Dalam menanggapi permasalahan hadis daif ini, kemungkinan ada yang keliru antara perletakan syarat-syarat beramal dengan hadis daif secara umum dan syarat-syarat beramal dengan hadis daif dalam bab fadhail amal. Lalu mencampur aduk dalam membawakan 4, 5, 6 syarat tersebut, sedangkan ia sepatutnya dibezakan. Dalam soalan di atas juga dinyatakan, 'hadis dhaif tidak boleh disandarkan kepada Rasulullah,...'. Ungkapan tersebut sebenarnya tidak cermat dan boleh mengelirukan. Patut ditambah pada hujungnya ibarat: "...secara jazam (pasti)" atau ibarat: "...kecuali secara *tamridh*".

Ini lebih berhati-hati dan tidak mengelirukan. Mudah-mudahan Allah SWT memberi kita taufiq, inayah dan hidayah-Nya.

(f) Takhrij Hadis Berkaitan Mengamal Hadis Daif

Diriwayatkan daripada Jabir RA hadis:

من بلغه عن الله عز وجل شيء فيه فضيلة فأخذ به إيمانا به ورجاء لثوابه أعطاه الله ذلك وإن لم يكن كذلك.

"Barangsiapa yang sampai kepadanya sesuatu daripada Allah *azza wajalla* yang mengandungi sesuatu fadhilat, lalu ia mengamalkannya dengan keimanan serta mengharapkan pahalanya, maka Allah akan memberikan kepadanya yang demikian itu, walaupun ia sebenarnya bukan begitu".

Menurut al-Hafiz as-Sakhawi dalam *al-Maqasid al-Hasanah* dan *al-Qawl al-Badi*' (hlm. 367), ia diriwayatkan oleh al-Hasan bin 'Arafah dalam *Juz'*nya, namun pada sanadnya ada Khalid dan Furat yang dikritik serta Abu Raja' yang tidak dikenali. Abu as-Syeikh dalam (مكارم الأخلاق) meriwayatkan daripada jalan riwayat lain, namun pada sanadnya ada Bisyr perawi *matruk*. Hadis yang seumpama turut diriwayatkan daripada Anas RA oleh Kamil al-Jahdari dalam *Nuskhah*nya, namun pada sanadnya juga ada perawi *matruk*, dan oleh Ibn 'Abd al-Barr dengan sanadnya ada al-Harith dan selainnya. Hadis Anas RA juga diriwayatkan melalui jalan riwayat lain oleh Ibn 'Adi dalam *al-Kamil*, Abu Ya'la dan al-Tabarani dalam *al-Awsat* dengan lafaz berikut:

من بلغه عن الله فضيلة فلم يصدق بها لم ينلها.

"Barangsiapa yang sampai kepadanya sesuatu fadhilat daripada Allah, namun ia tidak membenarkannya, maka ia tidak akan memperolehinya". Namun, Ibn 'Adi menyatakannya termasuk sebagai *munkar*. Menurut al-Hafiz as-Sakhawi lagi, hadis ini mempunyai *syawahid* daripada hadis Ibn 'Abbas RA, Ibn 'Umar RA dan Abu Hurairah RA. Kata Ibn 'Abd al-Barr: "Para ulama ber*tasahul* pada hadis sekiranya ia daripada fadha'il amal". Jika ditanyakan: Bagaimana hal ini, sedangkan mereka mensyaratkan pada harus beramal dengan hadis daif itu tidak mengiktikadkan sabitnya? Kami jawab: Dengan menanggungkannya di atas hadis yang sahih yang bukan bersifat *qat'i* (lawan *zanni*) di mana ia mungkin juga tidak sahih pada hakikatnya, **atau** dengan menanggungkannya jika ianya bersifat umum di mana merangkumi yang daif dalam mengiktikadkan kesabitannya dari sudut ia termasuk sekali dalam perkara-perkara yang umum, bukannya dari sudut sanad tersebut. (*al-Maqasid al-Hasanah*)

Demikian keterangan al-Hafiz as-Sakhawi, maka ada lima orang sahabat yang meriwayatkan makna hadis tersebut yang menunjukkan ia ada asalnya, justeru itu beliau tidak menghukumkannya sebagai palsu. Begitu juga pendapat Imam al-Suyuti, Imam Ibn Hajar al-Makki, Mulla 'Ali al-Qari, al-'Allamah al-'Ajluni dan sebelum mereka, al-Hafiz Ibn 'Abd al-Barr. Meskipun ia dihukum palsu oleh setengah yang lain.

HADIS DAIF DAN SANGAT DAIF MENURUT PRAKTIS ULAMA

1. Imam al-Syafi‘i RA

Kata Imam as-Suyuti (w. 911H) dalam *as-Syafi al-‘Ie ‘ala Musnad al-Syafi‘i*: “Musnad al-Syafi‘i yang mengandungi hadis-hadis marfu‘ yang bersifat musnad, mursal, munqati‘ dan mu‘dhal merangkumi kira-kira 1,170 buah hadis, termasuk yang berulang-ulang. Bilangannya tanpa termasuk yang berulang-ulang ialah 820 hadis, yang bersifat musnad 700 hadis dan bakinya 120 hadis adalah *mursal, munqati‘* dan *mu‘dhal*. Ianya di sisi beliau adalah hujah kerana mempunyai nas-nas sokongan sebagaimana yang telah disebutkan dahulu dan dinaskan oleh beliau di dalam kitab *al-Risalah*”.

Imam al-Syafi‘i banyak meriwayatkan hadis daripada Ibrahim bin Abi Yahya al-Aslami yang dikatakan sangat daif. Kata Ibn ‘Abd al-Barr dalam *al-Tamhid*: “Semua sepakat dalam men*tajrih*kan Ibn Abi Yahya kecuali al-Syafi‘i”. Menurut Ibn al-Wazir dalam *al-Rawd al-Basim*: “Adapun ijmak pada men*tajrih*kannya, tidaklah dapat diterima kerana terdapat empat ulama huffaz besar yang bersepakat dengan al-Syafi‘i dalam men*thiqah*kannya, iaitu Ibn Juraij, Hamdan bin Muhammad al-Asbahani, Ibn ‘Adi dan Ibn ‘Uqdah. Kata al-Zahabi dalam *al-Tazkirah*: Ibn Abi Yahya bukanlah termasuk dalam kalangan orang yang memalsukan hadis”. (*al-Rawd al-Basim* - Ibn al-Wazir)

2. Imam Ahmad bin Hanbal

Kata Imam Ahmad (w. 240H): “Sesungguhnya kitab *Musnad* ini telah aku himpun dan aku pilih daripada lebih 750,000 hadis. Maka, apa yang diperselisihkan oleh orang Islam daripada hadis Rasulullah SAW, maka rujukkanlah kepadanya. Sekiranya ia ada di dalamnya, jika tidak, maka ia bukanlah hujah” (Abu Musa al-Madini, 1410: 13). Menurut penilaian Syeikh Syu‘aib al-Arna’ut terhadap hadis-hadis Musnad Ahmad terdapat lebih kurang 3,033 hadis bersanad daif, termasuk 172 hadis bersanad daif jiddan serta 2 hadis mawdu‘. (Statistik berdasarkan perisian al-Syamilah)

Al-Hafiz Ibn Hajar telah mengarang kitab *al-Qawl al-Musaddad* khusus mempertahankan sekitar 24 buah hadis yang dikatakan mawdu‘ yang terdapat di dalam Musnad Imam Ahmad. Al-Hafiz al-Suyuti telah menambah lagi bilangannya menjadikan jumlahnya lebih daripada 120 buah hadis yang dipertahankan sebagai tidak mawdu‘. (al-Suyuti, 1993: 184)

Menurut Ibn al-Wazir dalam *al-Rawd al-Basim*, Imam Ahmad meriwayatkan hadis-hadis tersebut di dalam *Musnad* adalah kerana *ihtiyat* (berhati-hati), tanpa jahil tentang kedaifan hadis tersebut mahupun kadar kedaifannya, tentang sebab diharamkan untuk menerima hadis secara ijmak serta hadis yang ada khilaf padanya. (*al-Rawd al-Basim* - Ibn al-Wazir)

3. Imam al-Tirmizi

Kata Imam al-Tirmizi tentang kitab *Sunan*nya: “Semua hadis yang ada di dalam kitab ini adalah diamalkan. Ianya telah diambil oleh sebahagian ahli ilmu kecuali dua buah hadis; iaitu hadis Ibn ‘Abbas RA: Sesungguhnya Nabi SAW menjamakkan antara Zohor dan Asar di Madinah serta antara Maghrib dan Isyak tanpa sebarang sebab ketakutan, perjalanan jauh atau hujan. Dan hadis Nabi SAW baginda bersabda: “Apabila ia minum arak, maka sebatlah ia. Sekiranya ia kembali semula pada kali keempat, maka bunuhlah ia”. (al-Tirmizi 2005: 29)

Menurut penilaian Syeikh al-Albani dalam *Da‘if Sunan al-Tirmizi* terdapat lebih kurang 33 hadis daif jiddan dan 16 hadis mawdu‘ (statistik berdasarkan perisian al-Syamilah). Meskipun penilaian ini menjadi perbahasan, namun sekurang-kurangnya membuktikan bahawa kesemua hadis dalam *Sunan al-Tirmizi*, termasuk yang dikatakan daif jiddan dan mawdu‘ ini adalah hadis yang diguna pakai oleh para ulama di zaman salaf kecuali dua buah hadis yang telah disebutkan itu.

4. Imam Abu Dawud

Imam Abu Dawud menyebut dalam risalahnya kepada Ahli Makkah: "Tiada di dalam kitab al-Sunan yang aku susun ini riwayat daripada perawi yang ditinggalkan hadisnya (متروك الحديث) sedikit pun. Sekiranya ada di dalamnya hadis yang munkar, aku terangkan bahawa ianya munkar dan tiada yang seumpamanya dalam bab tersebut selain darinya”. (Abu Dawud 1997: 33)

Pernyataan Imam Abu Dawud ini agak musykil kerana masih terdapat di dalam Sunannya perawi-perawi yang dikatakan: (متروك الحديث) ditinggalkan hadisnya, seperti 'Amru bin Waqid, Abu Janab al-Kalbi, Sulayman bin Arqam, Ishaq ibn Abi Farwah dan lain-lain. Bagaimanapun, berdasarkan ulasan al-Hafiz Ibn Rajab dan al-Hafiz Ibn Tahir al-Maqdisi bahawa yang dimaksudkan oleh Abu Dawud ialah perawi yang disepakati ditinggalkan hadisnya (المتروك المجمع على تركه), bukannya semua perawi yang dikatakan orang sebagai matruk (ditinggalkan). (Abu Dawud 1997: 33)

Menurut penilaian Syeikh Syu'aib al-Arna’ut terhadap hadis-hadis Sunan Abu Dawud terdapat lebih kurang 11 hadis bersanad daif jiddan. Manakala menurut penilaian Syeikh al-Albani pula terdapat lebih kurang 30 hadis munkar, 7 hadis daif jiddan dan 2 hadis mawdu‘ (statistik berdasarkan perisian al-Syamilah). Meskipun penilaian ini juga menjadi perbahasan, namun ia membuktikan bahawa hadis-hadis Sunan Abu Dawud, termasuk yang dikatakan munkar, daif jiddan dan mawdu‘ adalah hadis-hadis yang masyhur pada zaman salaf dahulu. Kata Imam Abu Dawud: "Hadis-hadis yang aku masukkan di dalam kitab al-Sunan ini kebanyakannya adalah masyhur”. (Abu Dawud 1997: 47)

5. Imam al-Bayhaqi

Kata Imam al-Bayhaqi di awal *Dala’il al-Nubuwwah* tentang metode penyusunannya: “...(Penyusunannya) adalah menurut apa yang aku syaratkan dalam karangan-karanganku, iaitu memilih cukup dengan hadis sahih daripada hadis daif, dan memadai

dengan hadis *ma'ruf* daripada hadis *gharib*, kecuali pada perkara yang tidak nampak jelas maksudnya daripada hadis sahih atau pun hadis *ma'ruf* itu tanpanya, maka barulah aku mencatatkannya...".

Metode al-Bayhaqi sebenarnya lebih longgar daripada syarat yang dinyatakannya di atas. Kata al-Hafiz al-Suyuti dalam *Tadrib al-Rawi*: "Beliau telah beriltizam untuk tidak mengeluarkan di dalam kitab-kitabnya satu hadis pun yang diketahui sebagai mawdu'."

Kata al-Bayhaqi (w. 458H) dalam *Syu'ab al-Iman*: "Ahli hadis telah bersikap longgar dalam menerima hadis yang diriwayatkan berkaitan dengan doa-doa dan fada'il amal, <u>selama mana ia bukan daripada riwayat orang yang diketahui memalsukan hadis atau berdusta dalam periwayatannya</u>".

Kata beliau lagi: "Dan aku – menurut adat kebiasaan ahli hadis – ingin membawakan apa yang aku hajatkan daripada hadis-hadis dan hikayat-hikayat dengan sanad-sanadnya sekali dan hanya mengeluarkan apa yang tidak berat pada hati ianya suatu dusta".

6. Al-Hafiz al-Munziri

Al-Hafiz al-Munziri (w. 656H) di dalam mukadimah kitab *al-Targhib wa al-Tarhib* menyebut bahawa beliau turut mengeluarkan di dalam kitabnya hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang dikatakan sebagai pendusta, pemalsu hadis, dituduh begitu, disepakati ditinggalkan, disepakati daif dan sebagainya. Namun, beliau meninggalkan hadis-hadis yang zahirnya sangat munkar sekali dan disepakati sebagai mawdu' atau batil.

Syeikh al-Albani dalam kitab *Da'if al-Targhib wa al-Tarhib* telah menghukum 397 buah hadis daripadanya sebagai daif jiddan dan 193 buah hadis lagi sebagai mawdu'. (Statistik berdasarkan perisian al-Syamilah)

7. al-Hafiz Ibn as-Salah

Kata al-Hafiz Ibn as-Salah (w. 643H): "Sungguh telah memperbanyak orang yang menghimpunkan di zaman ini hadis-hadis palsu di dalam sekitar dua jilid kitab. Maka, beliau telah memasukkan di dalamnya banyak daripadanya yang tiada sebarang dalil akan kepalsuannya. Tetapi haknya, hanya perlu disebut dalam hadis-hadis daif secara mutlak/umum". Orang yang beliau maksudkan ialah al-Hafiz Ibn al-Jawzi (w. 597H). (al-Hafiz al-'Iraqi, *Syarh al-Tabsirah wa al-Tazkirah*)

Ibn al-Salah mensyaratkan keharusan meriwayatkan hadis daif itu dengan adanya ihtimal (kemungkinan) benar pada batin (hakikat sebenar). Kata beliau selepas menyatakan tidak harus meriwayatkan hadis mawdu': "Melainkan diiringi (penjelasan), berbeza dengan hadis-hadis daif yang ada kemungkinan benarnya pada batin (hakikat sebenar)." (al-Sakhawi 1994: 366)

Beliau menyatakan, selepas memberikan takrif sahih: “Apabila mereka berkata: Ini hadis sahih, maka maknanya ialah bersambung sanadnya serta adanya semua sifat-sifat tersebut, dan bukanlah daripada syaratnya ia mesti dihukum benar sebenar-benarnya pada hakikatnya”. Katanya lagi: “Demikian juga apabila mereka berkata terhadap sesuatu hadis: Ianya tidak sahih, maka bukanlah bererti ia sebenarnya dusta pada hakikatnya, kerana boleh jadi ia mungkin benar pada hakikatnya. Tetapi yang dimaksudkan hanyalah tidak sahih sanadnya menurut syarat yang tersebut. Wallahu a‘lam”. Ini membuktikan bahawa hukum para imam pengkritik hadis sebagai sahih dan lain-lain itu hanyalah berdasarkan zahir bagi sanad hadis sahaja, bukan bagi matannya. (al-Sakhawi 1994: 366)

8. Imam al-Nawawi

Kata Imam al-Nawawi dalam *al-Taqrib*: “Harus di sisi ahli hadis dan lain-lain melonggarkan sanad-sanad hadis dan meriwayatkan hadis yang selain mawdu‘ daripada hadis daif, serta beramal dengannya tanpa perlu menjelaskan kedaifannya pada bab selain tentang sifat-sifat Allah Taala dan ahkam seperti halal dan haram serta yang tiada berkaitan dengan akidah dan hukum hakam.” (al-Suyuti, 1993: 196)

Kaedah ini zahirnya telah dipraktiskan oleh al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Azkar*. Kitab *al-Azkar* adalah bukti bahawa Imam al-Nawawi menerima hadis sangat daif dalam bab zikir dan doa.

9. al-Hafiz al-‘Iraqi

Kata al-Hafiz al-‘Iraqi (w. 806H) dalam *Syarh al-Tabsirah wa al-Tazkirah* ketika mengulas kata-kata al-Hafiz Ibn as-Salah: “Sesungguhnya apa yang tiada padanya semua sifat-sifat hadis sahih dan hasan adalah bahagian terakhir yang paling rendah”: Maka ditafsirkan bahawa yang beliau maksudkan ialah selama mana ianya bukan palsu. *Allahumma* (ya Allah), melainkan yang beliau maksudkan dengan hilangnya kethiqahan perawi itu, ia menjadi seorang pendusta. Meskipun demikian, tidak semestinya dengan adanya seorang pendusta di dalam sesuatu sanad, maka hadis itu menjadi palsu, kerana pendustaan perawi secara mutlak/umum tidak menunjukkan kepada pemalsuan, kecualilah ia mengakui pemalsuan hadis tersebut secara khusus, atau apa-apa perbuatan yang setaraf dengan pengakuannya. (al-‘Iraqi, *Syarh al-Tabsirah wa al-Tazkirah*; al-Zarkasyi, 1998)

10. Al-Hafiz Ibn Hajar

al-Hafiz Ibnu Hajar dalam *al-Qawl al-Musaddad* telah membela dan mempertahankan hadis-hadis yang dikatakan palsu yang terdapat dalam Musnad Imam Ahmad. Di awalnya, beliau telah memberi ulasan terhadap 9 hadis Musnad Ahmad yang dikritik oleh gurunya, al-Hafiz al-'Iraqi. Walaupun ada perawi yang menerima *jarh syadid* dan

statusnya sangat teruk, namun ia masih belum disepakati untuk ditinggalkan. Ada yang dipertahankan oleh Ibn Hajar, dan ada yang dibawa hadis-hadis lain yang dapat menyokongnya. Sekurang-kurangnya hadis tersebut menjadi daif sahaja di sisinya atau barangkali ia meningkat kepada hasan atau yang diguna pakai ialah hadis sokongan yang lebih baik.

Adakah Ibn Hajar menyalahi 3 syarat beramal dengan hadis daif yang beliau sendiri tetapkan? Kemungkinan secara umum dapat dikatakan beliau hanya tidak menerima hadis yang disepakati sangat daif dalam bab fada'il amal, justeru masih tidak menyalahi 3 syarat yang beliau tetapkan, walaupun penilaian sesuatu hadis tersebut sangat daif atau mawdu' menurut ulama lain.

11. al-Hafiz al-Sakhawi

Dalam mengulas tentang Ibn al-Salah mensyaratkan keharusan meriwayatkan hadis daif dengan adanya ihtimal (kemungkinan) benarnya pada batin (hakikat sebenar). al-Sakhawi (w. 902H) menyebut: "Akan tetapi adakah disyaratkan pada ihtimal tersebut ianya kuat, di mana ia mengatasi kemungkinan dustanya atau menyamainya atau tidak? Kata guru kami (al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani): "Ia satu isu perbincangan, dan yang zahir daripada pendapat Imam Muslim dan juga yang ditunjukkan oleh hadis bahawa ihtimal benar tersebut sekiranya ia ihtimal yang lemah, maka ia tidak dapat diambil kira." (al-Sakhawi 1994: 366)

Kaedah ini zahirnya telah dipraktiskan oleh al-Sakhawi di dalam kitabnya *al-Qawl al-Badi'*. Hadis daif dan sangat daif yang beliau muatkan di dalamnya adalah yang mempunyai ihtimal kuat di sisi beliau.

12. Al-Hafiz as-Suyuti

Selain mensyarahkan dan menyetujui pandangan Imam al-Nawawi dalam *al-Taqrib*, al-Hafiz as-Suyuti dalam mukadimah kitab *al-Jami' al-Saghir* menyebut: "Aku telah bersungguh-sungguh dalam melakukan takhrijnya hingga aku buang yang kulit dan hanya mengambil yang isi. Dan aku jaga ia daripada (memasukkan) hadis yang bersendirian dalam meriwayatkannya oleh pemalsu hadis atau pun pendusta". (al-Suyuti 1996: 1/32)

Manakala al-'Allamah Sayyid Ahmad al-Ghumari telah mengeluarkan daripada *al-Jāmi' al-Saghīr* kira-kira 458 buah hadis (daripada 10,031 hadis) yang dikatakan palsu di dalam kitab beliau *al-Mughir*. Meskipun sifat *tasahul* al-Hafiz as-Suyuti ini nampak ketara dalam kitab *al-Jami' al-Saghir* ini, sekurang-kurangnya ia menjelaskan kepada kita tentang metode yang dipilih oleh beliau.

Ada ramai lagi tokoh-tokoh ulama hadis yang mungkin dapat disenaraikan di sini sekiranya kita mengkaji dengan lebih lanjut lagi. Namun, memadailah apa yang

dipaparkan di atas sebagai bukti tentang sikap toleransi sebahagian ulama dalam berinteraksi dengan hadis-hadis daif.

CONTOH PERAWI DAIF JIDDAN

1. Fa'id bin ‘Abd al-Rahman al-Kufi al-‘Attar

Menurut ramai pengkritik hadis kedudukan beliau dikatakan sangat daif. Antara hadis masyhur riwayatnya ialah hadis solat hajat dan hadis kisah lelaki yang dikaitkan dengan nama ‘Alqamah. Kedua-duanya dihukum sangat daif, tapi diterima oleh sebahagian ulama dalam fada’il amal. Walaupun menurut sebahagian ulama lain kedua-duanya dianggap sangat daif dan tidak diterima walaupun dalam fada’il amal. Namun, oleh kerana didapati ada perselisihan mengenai kredibiliti beliau dan tiada kesepakatan secara tegas untuk meninggalkannya, maka riwayat beliau kelihatan masih diguna pakai (menurut syaratnya) oleh sebahagian ulama.

Kata al-Hafiz al-Zahabi dalam *Mizan al-I‘tidal*:

((تركه أحمد والناس، وروى عباس عن يحيى: ضعيف. علي بن خشرم أخبرنا عيسى بن يونس عن فائد أبي الورقاء سمعت ابن أبي أوفى يقول: قال رسول الله ﷺ: من مسح يده على رأس يتيم رحمة له كتب له بكل شعرة حسنة ورفع له بكل شعرة درجة. قال البخاري: فائد منكر الحديث، وقال ابن عدي: مع ضعفه يكتب حديثه، وقال مسلم بن إبراهيم: دخلت عليه وجاريته تضرب بين يديه بالعود، قال محمد بن أيوب بن الضريس: فقلت له: فلم كتب عنه حماد بن سلمة؟))

Kata al-Hafiz Ibn Hajar dalam *Tahzib al-Tahzib*:

((قال عبدالله بن أحمد عن أبيه: متروك الحديث . وقال الدوري عن ابن معين: ضعيف، ليس بثقة، وليس بشئ . وقال ابن أبي حاتم: سمعت أبي وأبا زرعة يقولان: لا يشتغل به. قال وسمعت أبي يقول: فائد ذاهب الحديث، لا يكتب حديثه، وكان عند مسلم بن ابراهيم عنه وكان لا يحدث عنه، كنا لا نسأله عنه، وأحاديثه عن ابن أبي أوفى بواطيل، لا تكاد ترى لها أصلا كأنه لا يشبه حديث ابن أبي أوفى، ولو أن رجلا حلف ان عامة حديثه كذب لم يحنث . وقال البخاري: منكر الحديث، وقال أبو داود: ليس بشئ، وقال الترمذي: يضعف في الحديث، وقال النسائي: ليس بثقة، وقال في موضع آخر: متروك الحديث، وقال ابن حبان: لا يجوز الاحتجاج به. قلت: وقال الميموني عن أحمد: ترك الناس حديثه، وقال البخاري في الاوسط: لا يتابع في حديثه، وذكره في فصل من مات من خمسين ومائة إلى ستين ومائة، وقال الحاكم أبو أحمد: حديثه ليس بالقائم، وضعفه الساجي والعقيلي والدارقطني، وقال الحاكم روى عن ابن أبي أوفى أحاديث موضوعة، وقال ابن عدي: ومع ضعفه يكتب حديثه.))

Kata al-Hafiz Ibn Syahin dalam *Zikr Man Ikhtalaf al-Ulama wa Nuqqad al-Hadith*:

((ذكر فائد أبي الورقاء والخلاف فيه: روى ابن شاهين أن علي بن المديني قال: أبو الورقاء ثقة، كان يحدث عنه أحاديث واسمه فائد. وعن يحيى بن معين من رواية يزيد بن الهيثم عنه أنه قال: فائد أبو الورقاء روى عنه الكوفيون ليس بثقة. وعنه أيضا من رواية العباس بن مُحَمَّد أنه قال: فائد أبو الورقاء ضعيف. قال أبو حفص: وهذا الخلاف في فائد يوجب التوقف حتى يضاف إلى أحد الرجلين آخر فيحكم بشهادتين على شهادة والله أعلم))

Kata al-Hafiz al-Sakhawi dalam *al-Qawl al-Badi'*:

((فقد رواه الحاكم من حديثه وقال: فائد كوفي عداده في التابعين، وقد رأيت جماعة من أعقابه، وحديثه مستقيم، إلا أن الشيخين لم يخرجا له، وإنما أخرجت حديثه شاهداً، انتهى. وقال ابن عدي: هو مع ضعفه يكتب حديثه)).

Berdasarkan kitab-kitab *rijal*, Fa'id bin 'Abd al-Rahman merupakan perawi yang sangat lemah dan hampir disepakati ditinggalkan مجمع على تركه menurut kebanyakan ulama hadis, kalaulah bukan kerana tad'if at-Tirmizi dan Ibn 'Adi yang lebih lunak, taraddud Ibn Ma'in tentang statusnya, riwayat Hammad bin Salamah daripadanya, pujian al-Hakim pada hadisnya, serta Ibn Syahin menghikayatkan khilaf mengenainya, di mana 'Ali bin al-Madini mengatakan beliau sebagai thiqah! Maka, hadis-hadisnya jika demikian mungkin saja boleh dikatakan sebagai daif atau sangat daif kerana beliau tidak disepakati ditinggalkan.

Al-Sakhawi walaupun menukil pujian al-Hakim terhadap Fa'id tetap mengatakan ia hadis sangat daif. Kata beliau: "Secara jumlah, ia adalah hadis daif jiddan, boleh ditulis dalam fada'il amal".

Meskipun al-Sakhawi menyetujui 3 syarat yang ditetapkan berkenaan penggunaan hadis daif di akhir kitab *al-Qawl al-Badi'*. Kemungkinan beliau melihat riwayat-riwayat Fa'id dari sudut pertimbangan lain. Ini kerana telah maklum tentang situasi pada zaman tersebut di mana munculnya pergeseran antara aliran ahli hadis dan aliran ahli ra'yi. Fa'id adalah orang Kufah, tempat ramainya golongan ahli ra'yi. Jika tokoh besar aliran ahli ra'yi, Imam Abu Hanifah RA sendiri juga pernah menerima *jarh* yang sangat berat daripada sebahagian ahli hadis, apatah lagi perawi-perawi yang kecil.

2. al-Hakam bin 'Abdullah

Berdasarkan kitab-kitab *rijal*, al-Hakam bin 'Abdullah al-Ayli merupakan perawi yang statusnya sangat daif, bahkan dikatakan pendusta.

في الميزان (١/ ٥٧٣، ٥٧٤)، ولسان الميزان (٢/ ٣٣٢-٣٣٤): قال أحمد: أحاديثه كلها موضوعة. وقال ابن معين: ليس بثقة. وقال السعدي وأبو حاتم: كذاب. وقال النسائي والدارقطني وجماعة: متروك الحديث. وقال البخاري: تركوه. وقال مسلم: منكر الحديث. وقال ابن أبي الحواري وغيره من أصحاب الحديث: ليس

يعرف بدمشق كذاب إلا رجلين الحكم بن عبد الله الأيلي، ويزيد بن ربيعة بن يزيد. وقال ابن خزيمة: لست أحتج به. وقال ابن المديني: ليس بشيء. وقال يحي بن حسان: متروك. وقال أبو زرعة: متروك الحديث. وقال العقيلي: الغالب على حديثه الوهم. وقال الذهبي في الضعفاء: متروك متهم (ص ٦٩/ ١٠٧٦).

Antara contoh hadis sangat daif riwayat beliau ada yang mempunyai sokongan daripada riwayat lain, justeru dikatakan ia dapat diterima dalam bab fada'il amal. Hadisnya:

رُوي عن عائشة ﷺ قالت: دخل علي أبو بكر فقال: هل سمعت من رسول الله ﷺ دعاء علمنيه، قلت: ما هو؟ قال: كان عيسى بن مريم يعلمه أصحابه، قال: لو كان على أحدكم جبل ذهب ديناً فدعا الله بذلك لقضاه الله عنه: **اللهم فارج الهم كاشف الغم مجيب دعوة المضطرين، رحمن الدنيا و الآخرة ورحيمها، أنت ترحمني فارحمني برحمة تغنيني بها عن رحمة من سواك**. قال أبو بكر الصديق ﷺ: وكانت علي بقية من الدين وكنت للدين كارهاً فكنت أدعو بذلك فأتاني الله بفائدة فقضاه الله عني. قالت عائشة: كان لأسماء بنت عميس علي دينار وثلاثة دراهم، فكانت تدخل علي فأستحي أن أنظر في وجهها لأني لا أجد ما أقضيها، فكنت أدعو بذلك، فما لبثت إلا يسيراً حتى رزقني الله رزقاً ما هو بصدقة تصدق بها علي ولا ميراث ورثته، فقضاه الله عني وقسمت في أهلي قسماً حسناً، وحليت ابنة عبد الرحمن بثلاث أواق ورق وفضل لنا فضل حسن. (أخرجه البزار في مسنده والحاكم في المستدرك وابن أبي الدنيا فى الدعاء والطبراني في الدعاء والبيهقي في الدعوات الكبير، قال البزار: والحكم بن عبد الله ضعيف جدا، وإنما ذكرنا هذا الحديث إذ لم نحفظه عن رسول الله ﷺ إلا من هذا الوجه، وقد حدث به على ما فيه أهل العلم واحتملوه. وقال الحاكم: قد احتج البخاري بعبد الله بن عمر النميري وهذا حديث صحيح غير أنهما لم يحتجا بالحكم بن عبد الله الأيلي. قال المنذري: رواه البزار والحاكم والأصبهاني كلهم عن الحكم بن عبد الله الأيلي عن القاسم عنها وقال الحاكم: صحيح الإسناد. قال الحافظ المنذري: كيف والحكم متروك متهم، والقاسم مع ما قيل فيه لم يسمع من عائشة.اهـ وقال الهيثمي في المجمع (١٠/ ١٨٦): رواه البزار وفيه الحكم بن عبد الله الأيلي وهو متروك. وأورده السيوطي في الدر المنثور (١/ ٩) وقال: أخرجه البزار، والحاكم، والبيهقي في الدلائل بسند ضعيف)

Menurut al-Hafiz Ibn Nasir al-Din (2010: 215): "Sanadnya sangat lemah (واه جدا)". Kata beliau lagi: "al-Hakam bin Abdullah al-Ayli, juga dipanggil: Ibn Khattaf. Dikatakan, mereka adalah dua orang yang berbeza. Ibn al-Mubarak mengkritiknya dengan sangat keras dan beliau telah dituduh berdusta, akan tetapi hadisnya ini dalam bab targhib untuk berdoa". Bahkan, riwayatnya mempunyai sokongan daripada riwayat Anas RA, Mu'az RA dan mursal 'Abd al-Rahman bin Sabit seperti berikut;

عن أنس بن مالك ﷺ قال: قال رسول الله ﷺ لمعاذ بن جبل: ألا أعلمك دعاء تدعو به لو كان عليك مثل جبل ديناً لأدى الله عنك، قل يا معاذ: {**اللهم مالك الملك تؤتي الملك من تشاء وتنزع الملك ممن تشاء وتعز من تشاء وتذل من تشاء بيدك الخير، إنك على كل شيء قدير**} [آل عمران: ٢٦-٢٧] **رحمن الدنيا والآخرة تعطيهما من تشاء وتمنع منهما من تشاء، ارحمني رحمة تغنيني بها عن رحمة من سواك**. (أخرجه الطبراني في الصغير (٣٣٦/١، رقم ٥٥٨). قال المنذري (٣٨١/٢): إسناده جيد. وقال الهيثمي (١٨٦/١٠): رجاله ثقات. وأخرجه الطبراني في المعجم الكبير (١٥٤/٢٠، رقم ٣٢٣) قال الهيثمي (١٨٦/١٠): فيه نصر بن مرزوق ولم أعرفه وبقية رجاله ثقات إلا أن سعيد بن المسيب لم يسمع من معاذ. وله طريق أخرى عن عطاء الخراساني أرسله عن معاذ عند أبي نعيم في حلية الأولياء (٥/ ٢٠٤). وفي مصنف ابن أبي شيبة (٦/ ١٠٩): عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَابِطٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُو بِهَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ وَيُعَظِّمُهُنَّ: اللَّهُمَّ فَارِجَ الْهَمِّ، وَكَاشِفَ الْكَرْبِ، وَمُجِيبَ الْمُضْطَرِّينَ، وَرَحْمَنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيمَهُمَا، ارْحَمْنِي الْيَوْمَ رَحْمَةً وَاسِعَةً تُغْنِينِي بِهَا عَنْ رَحْمَةِ مَنْ سِوَاكَ، وهو صحيح مرسل)

***Hati-hati Menghukum Perawi Salaf**

Dalam membicarakan soal para perawi hadis ini, wajar juga kita merenungi kata-kata Imam Yahya bin Ma'in dan Imam Ibn Abi Hatim sepertimana berikut;

روى الخطيب البغدادي في الجامع لأخلاق الراوي عن أبي بكر مُحَمَّد بن مهرويه الرازي يقول: سمعت علي بن الحسين بن الجنيد، يقول: سمعت يحيى بن معين، يقول: « إنا لنطعن على أقوام لعلهم قد حطوا رحالهم في الجنة منذ أكثر من مائتي سنة. قال ابن مهرويه: فدخلت على عبد الرحمن بن أبي حاتم وهو يقرأ على الناس كتاب الجرح والتعديل فحدثته بهذه الحكاية فبكى وارتعدت يداه حتى سقط الكتاب من يده وجعل يبكي ويستعيدني الحكاية ولم يقرأ في ذلك المجلس شيئا، أو كما قال ».

Al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan dalam kitab *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi* daripada Abu Bakr Ibn Mahruyah al-Razi katanya: Aku dengar ‘Ali bin al-Husain bin al-Junaid berkata: Aku dengar Yahya bin Ma'in berkata: “Sesungguhnya kita ini mengkritik kaum-kaum yang kemungkinan mereka itu telah pun duduk diam di dalam syurga sejak lebih dari 200 tahun”. Kata Ibn Mahruyah: "Maka aku pernah masuk menemui ‘Abdur Rahman Ibn Abi Hatim dan beliau sedang membacakan kepada orang kitab *al-Jarh wa al-Taadil*. Lalu aku menceritakan kepada beliau kisah berkenaan, lantas beliau pun menangis dan menggeletar kedua-dua tangannya sehingga kitab tersebut jatuh daripada tangannya. Beliau terus menangis serta memintaku mengulangi semula kata-kata itu, hinggakan beliau kemudian tidak membaca apa-apa lagi di dalam majlis berkenaan.”

روى الخطيب البغدادي في الكفاية في علم الرواية عن مُحَمَّد بن الفضل العباسي يقول: كنا عند عبد الرحمن بن أبي حاتم وهو إذا يقرأ علينا كتاب الجرح والتعديل، فدخل عليه يوسف بن الحسين الرازي فقال له: يا أبا مُحَمَّد ما هذا الذي تقرؤه على الناس؟ قال: كتاب صنفته في الجرح والتعديل. قال: وما الجرح والتعديل؟ قال: أظهر أحوال أهل العلم من كان منهم ثقة أو غير ثقة. فقال له يوسف بن الحسين: استحييت لك يا أبا مُحَمَّد، كم من هؤلاء القوم حطوا رواحلهم في الجنة منذ مائة سنة ومائتى سنة وأنت تذكرهم وتغتابهم على أديم الأرض؟ فبكى عبد الرحمن وقال: يا أبا يعقوب، لو سمعت هذه الكلمة قبل تصنيفى هذا الكتاب لما صنفته.

Al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan dalam *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah* daripada Muhammad bin al-Fadl al-'Abbasi katanya: Pernah kami duduk bersama 'Abdur Rahman Ibn Abi Hatim dan beliau membacakan kepada kami kitab *al-Jarh wa al-Taadil*. Lalu masuklah kepadanya Yusuf bin al-Husain al-Razi dan berkata kepadanya: "Ya Abu Muhammad, apakah yang kamu bacakan kepada orang ini?" Jawab beliau: "Sebuah kitab yang aku susun tentang *al-Jarh wa al-Taadil*." Ia bertanya pula: "Apa itu *al-Jarh wa al-Taadil*?" Jawab beliau: "Aku memperjelaskan tentang hal ehwal ahli ilmu, siapa antara mereka yang thiqah atau pun tidak thiqah." Lalu Yusuf bin al-Husain berkata kepadanya: "Aku malu untukmu ya Abu Muhammad. Berapa ramai daripada golongan itu yang telah pun duduk diam di dalam syurga sejak 100 dan 200 tahun, sedangkan kamu masih menyebut-nyebut mereka dan mengumpat mereka di atas muka bumi ini?" Lantas 'Abdur Rahman pun menangis seraya berkata: "Ya Abu Yaaqub, kalaulah aku dengar kalimah ini sebelum aku menyusun kitab ini, nescaya aku tidak akan menyusunnya."

Menurut al-Hafiz Ibn Rajab, ramai para perawi thiqah meriwayatkan hadis daripada perawi-perawi yang dhaif seperti Sufyan al-Thauri, Syu'bah dan selain mereka. Syu'bah berkata: "Sekiranya aku tidak meriwayatkan hadis kepada kamu melainkan hanya daripada orang-orang yang thiqah, nescaya aku tidak dapat meriwayatkan kepada kamu melainkan daripada sedikit orang sahaja." Yahya al-Qattan berkata: "Sekiranya aku tidak meriwayatkan hadis melainkan hanya daripada orang yang aku redha, nescaya aku tidak meriwayatkan hadis melainkan daripada lima orang sahaja atau seumpama itu." (*Syarh 'Ilal al-Tirmizi* oleh Ibn Rajab, hlm. 127)

Kitab-Kitab Berkaitan Hadith Daif:

Terdapat banyak kitab berkaitan hadith daif yang mungkin boleh dibahagikan kepada 3 kategori:

i. Pertama: Kitab-kitab yang sering meriwayatkan hadith daif secara sendirian:

1. *Nawadir al-Usul fi Ahadith al-Rasul* oleh Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Ali bin al-Hasan yang diberi gelaran al-Hakim al-Tirmizi (wafat 295 H).
2. *Hilyat al-Auliya'* oleh Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abdullah bin Ahmad bin Ishaq al-Asfahani (wafat 430 H).
3. *Musnad Al-Syihab fi al-Mawa'iz wa al-Adab* oleh Syihab al-Din Abu Abdillah Muhammad bin Salamah al-Quda'i (wafat 454 H).

4. *Tarikh Baghdad* oleh Ahmad bin Ali binThabit, al-Khatib al-Baghdadi (wafat 463 H).
5. *Musnad Firdaus al-Akhbar bi Ma'thur al-Khitab* oleh al-Hafiz Abu Syuja' Syairuyah bin Syahardar al-Dailami al-Hamdani (wafat 509 H).
6. *Tarikh Dimasyq* oleh al-Hafiz Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim 'Ali bin al-Hasan al-Dimasyqi (wafat 571 H).
7. Kitab-kitab Imam Ibn Abi ad-Dunya.

ii. Kedua: Kitab-kitab yang menghimpunkan secara khusus satu bahagian daripada bahagian-bahagian/jenis-jenis hadith daif, seperti *mursal, mu'al, mudraj, mu'dal, mudtarib* dan lain-lain:

1. *Al-Marasil* oleh Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (wafat 275 H).
2. *Al-Marasil* oleh Imam Ibn Abi Hatim (wafat 275 H).
3. *Al-'Ilal* oleh Imam Ibn Abi Hatim al-Razi (wafat 327 H).
4. *Al-'Ilal al-Kubra* oleh Imam Abu al-Hasan 'Ali bin 'Amr al-Daraqutni (wafat 385 H).

iii. Ketiga: Kitab-kitab berkaitan perawi-perawi daif:

1. *Kitab al-Du'afa' al-Kabir* oleh Muhammad bin 'Amru al-'Uqaili Abu Ja'far (wafat 322 H).
2. *Ma'rifat al-Majruhin min al-Muhaddithin wa al-Du'afa' wa al-Matrukin* oleh Imam Muhammad Ibn Hibban al-Busti (wafat 354 H).
3. *Al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal* oleh Abu Ahmad Abdullah bin 'Adi al-Jurjani (wafat 365 H).
4. *Mizan al-I'tidal* oleh al-Hafiz Abu Abdillah Syams al-Din al-Zahabi (wafat 748 H).
5. *Lisan al-Mizan* oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (wafat 852 H).

KESIMPULAN

1. Hadis daif dan hadis palsu adalah jauh berbeza. Sewajarnya kita tidak menyamakan kedua-duanya pada satu tahap kedudukan yang sama, sebagaimana yang dapat ditelaah huraiannya dalam kitab *Khuturah Musawat al-Hadith al-Da'if bi al-Mawdu'* oleh Dr. Khalil Ibrahim Mulla Khatir. Hadis daif masih mempunyai kedudukan dan peranan khusus di sisi jumhur ulama Islam dengan syarat-syarat yang tertentu. Ia bukannya hadis yang tiada nilai apa-apa sebagaimana sangkaan sesetengah pihak. Para ulama tidak melarang dari beramal dengan hadis daif secara mutlak, apatah lagi jika kandungannya disokong oleh aspek-aspek luaran atau bukti-bukti iringan (*qara'in*) yang menguatkannya. Sungguhpun begitu, sekiranya terdapat riwayat perawi daif yang menyalahi dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi thiqah, maka riwayat perawi thiqah itulah yang mesti diutamakan.

2. Dalam perbincangan kesahihan dan kedaifan hadis, kita bukan sahaja menilai sanad hadis semata-mata, tetapi turut menilai juga matan hadis berkenaan. Boleh jadi sanadnya tidak sahih, tetapi matannya sahih dan sebaliknya boleh jadi sanadnya sahih tetapi

matannya tidak sahih. Hal ini merupakan praktis ramai ulama muhaddithin, terutama yg menggabungkan aspek hadis dan fiqh sekaligus.

3. Para perawi dhaif, terutama yang hanya dikritik dari segi *dhabt* (penjagaan atau penghafalan), bukanlah bererti dhaif dalam segala aspek hidupnya hingga kita sanggup mengatakan tiada nilai padanya! Walhal, para ulama *al-jarh wat taadil* hanya menghukum mereka berdasarkan ijtihad mereka bagi apa yang zahir di mata mereka sahaja, terutama dari sudut *dhabt*. Dan barangkali ia dipengaruhi oleh fahaman atau aliran mereka menyebabkan mereka mengkritik setengah perawi-perawi tersebut dengan amat berat sekali, terutama perawi-perawi yang terlibat dengan aliran ahli ra'yi, aliran kalam dan aliran tasawuf.

4. Hadis daif *jiddan* bukanlah hadis palsu. Ia belum sampai ke tahap kemungkinan besar sebagai palsu kerana ia berada di antara dua kondisi, sama ada kemungkinan palsu atau kemungkinan tidak palsu. Ini bergantung kepada tahap *jarh* perawi, sokongan teks dan juga konteks hadis. Kajian lanjut bagi menentukannya perlu dijalankan. Boleh jadi dapat dibuktikan ia berkemungkinan tidak palsu dan boleh jadi dapat dibuktikan ia berkemungkinan palsu.

5. Maksud hadis yang dikatakan sangat daif yang diguna pakai dalam fada'il amal itu ialah hadis yang ada pada sanadnya perawi yang tidak disepakati ditinggalkan oleh pengkritik hadis, maka tidak termasuk hadis yang perawinya disepakati ditinggalkan. Sekalipun ia pandangan yang barangkali marjuh/tidak rajih, bukanlah bermakna ia pandangan yang salah secara hakikatnya, sedangkan perkara tashih dan tad'if ini hanya dalam ruang lingkup ijtihadi yang zanni dan bukannya qat'i. Bagaimanapun, hal ini mungkin belum dapat menjadi kaedah umum kerana setiap kes hadis yang dibincangkan mempunyai kaedah dan kriteria penilaian khusus. Ruang perbahasan tentang hadis daif *jiddan* sebenarnya agak sempit.

6. Jika kita menemukan sesuatu hadis itu dinilai palsu oleh seorang ahli hadis, maka ia belum lagi menjadi satu-satunya hukum muktamad yang wajib dipegang atau diterima oleh semua orang. Ini kerana perlu dipastikan terlebih dahulu, adakah hukum tersebut disepakati oleh semua ulama atau masihkah ada khilaf mengenai hukumnya? Jika ada khilaf, kita harus berpegang dengan salah satu daripadanya, dengan syarat kita mempunyai hujah, sebab atau alasan yang kukuh, dan bukan sekadar memilih semata-mata dengan sesuka hati.

7. Kaedah mengkaji sahsiah para perawi merupakan asas penilaian bagi status hadis, namun hasil yang didapati tidak semestinya terus boleh diterima pakai kerana masih ada langkah-langkah lain yang perlu diikuti sebelum membuat keputusan muktamad, seperti meneliti seluruh pandangan ulama *al-jarh wa al-ta'dil* terlebih dahulu, menimbang sebarang kemungkinan pada sahsiah perawi, mengumpul jalan-jalan riwayat (*turuq*) hadis, membuat komparatif dengan usul syarak, menentukan jenis ahkam atau fada'il dan sebagainya.

8. Wajar berhati-hati daripada mudah menghukum sesuatu hadis itu sebagai palsu, padahal ia boleh jadi tidak palsu, seperti hadis-hadis yang terkandung di dalam kitab-kitab tokoh terkenal, seperti kitab *Qut al-Qulub* oleh Imam Abu Talib al-Makki, kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali, kitab *al-Tazkirah* oleh Imam al-Qurtubi dan lain-lain. Ini kecuali hadis yang telah disepakati sebagai palsu oleh para ulama hadis.

9. Sebagaimana metode ulama hadis *mutasyaddidun* (bermetode keras), seperti Ibn Ma'in, Abu Hatim, al-Juzajani, al-Nasa'i dan lain-lain tidak ditolak sepenuhnya. Begitu juga metode ulama hadis *mutasahilun* (bermetode mudah), seperti al-Tirmizi, al-Hakim, Abu Nu'aym, al-Bayhaqi, Ibn Syahin, Ibn 'Asakir dan lain-lain tidaklah mesti ditolak sepenuhnya.

10. Sewajarnya ditegaskan bahawa hadis perlulah diambil daripada ahlinya dan tidak sepatutnya diambil daripada orang yang bukan ahlinya, walaupun ia mempunyai kedudukan yang tinggi dalam bidang lain sekalipun kerana bagi setiap ilmu itu ada ahlinya. Maka cukup bagi orang yang bukan ahli dan masyarakat awam, mereka bertaklid sahaja kepada penilaian ulama atau pakar hadis yang diakui keilmuan dan kepakaran mereka dalam menilai hadis. Wallahu a'lam.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين،

والحمد لله رب العالمين.

RUJUKAN

'Abd al-Fattah Salih al-Yafi'i. *Hukm al-'Amal bi al-Hadith al-Da'if 'ind al-Muhaddithin wa al-Fuqaha'*.

Abū Dāwūd. 1997. *Risālah al-Imām Abī Dāwūd ila Ahl Makkah fi Waṣf Sunanih*, di dalam: *Thalāth Rasā'il fī 'Ilm Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, ed. Syeikh 'Abd al-Fattāḥ Abu Ghuddah. Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.

Abu Dawud. 2009. *Sunan Abu Dawud*. Tahkik Syeikh Syu'aib al-Arna'ut. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Abu Musa al-Madini. 1410. *Khasa'is Musnad Ahmad*. Riyadh: Maktabah al-Tawbah.

al-'Ajluni, al-'Allamah Syeikh Isma'il. *Kasyf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

al-Ghumari, Ahmad bin al-Siddiq. 1982. *al-Mughir 'ala al-Ahadith al-Mawdu'ah fi al-Jāmi' al-Saghīr*. Beirut: Dar al-Ra'id al-'Arabi.

Khalil Ibrahim Mulla Khatir. Dr. 1428H. *Khuturah Musawat al-Hadith al-Da'if bi al-Mawdu'*.

al-Kiranawi, Habib Ahmad. 1990. *Qawa'id fi 'Ilm al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Ibn 'Abd al-Barr. *al-Tamhid.*

Ibn Nasir al-Din. 2010. *Majalis fi Tafsir Qawl Allah Taala: Laqad Manna Allah 'ala al-Mu'minin*. cet.2, Jeddah: Dar al-Minhaj.

Ibn al-Solah, 1986. *'Ulum al-Hadith*. Tahkik: Nuruddin 'Itr. Dimasyq: Dar al-Fikr.

al-Khatib al-Baghdadi, *al-Kifayah fi 'Ilm ar-Riwayah*, Beirut.
al-Laknawī, 'Abd al-Ḥay (1987), *al-Raf' wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, c. 3.
al-Laknawī, 'Abd al-Ḥayy (1994), *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As'ilah al-'Asyarah al-Kāmilah,* Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, c. 3.
Mahmud Sa'id Mamduh, Dr. *Jawaz al-'Amal bi al-Hadith al-Da'if*, dalam Majalah al-Muslim, hlm. 13, Mac/April 1996.
Mahmud Sa'id Mamduh, Dr. *al-Ta'rif bi-Awham Man Qassam al-Sunan ila Sahih wa Da'if*, cet. 2, 2002.
al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 1994. *al-Azkar al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
al-Qārī, 'Ali ibn Sulṭān Muhammad al-Harawī (1994), *al-Maṣnū' fi Ma'rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū'*, Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, c. 5.
al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. 1994. *al-Qawl al-Badi'*. Tahkik: Basyir Muhammad 'Uyun. cet. 2. Dimasyq: Maktabah Dar al-Bayan.
al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. 1403. *Fath al-Mughith*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. *al-Maqasid al-Hasanah*.
al-Suyuti. 1996. *al-Jami' al-Saghir*. Beirut.
al-Suyuti. 1993. *Tadrib al-Rawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
as-Suyuti. 1429. *as-Syafi al-'Ie 'ala Musnad al-Syafi'i*. tahkik/ tesis master. Universiti Umm al-Qura.
Taqiyyuddin al-Nadwi, Dr. (1994), *al-Imam al-Bukhari Imam al-Huffaz wa al-Muhaddithin*, Dimasyq: Dar al-Qalam.
al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa. 1998. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
Umar Muhammad Noor, *Hati-Hati Dalam Menilai Hadis Palsu*.
Ẓafar Aḥmad al-Tahānawī (1996), *Qawā'id fi 'Ulūm al-Ḥadīth,* Kaherah : Dār al-Salām, c. 6.
Al-Zahabī, Syams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. 1990. *Zikr Man Yu'tamad Qawluh fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Di dalam: *Arba' Rasā'il fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, ed. 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah. 1990, c. 5. Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.
al-Zahabi, Syams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. 2000. *al-Muqizah*. Tahkik: 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah. cet.5. Kaherah: Dar al-Salam.
al-Zarkasyi. 1998. *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. Riyadh: Adwa' al-Bayan.